



***PANDUAN PERNIAGAAN
SHUANG HOR***

**SHUANG HOR
BUSINESS MANUAL**

PANDUAN PERNIAGAAN SHUANG HOR

Kandungan

Kaedah Pengagihan Bonus, Anugerah Dan Ganjaran

Pendahuluan	2
Bab 1: Penentuan Bonus	2
Bab 2: Penentuan Anugerah	9
Bab 3: Cara Memberi Ganjaran	11
I. Diamond Dihadiah Kereta	
II. Menikmati Bonus Tahunan	
III. Membawa Peluang Pelancongan	
Bab 4: Penajaan Antarabangsa	13

Cara-cara Memesan Stok & Maklumat tentang Pemulangan Stok

Bab 1 : Cara Memesan Stok Melalui Online di Malaysia, Singapura	21
Bab 2 : Cara-cara Lain yang Memesan Stok di Malaysia	22
Bab 3 : Cara-cara Lain yang Memesan Stok di Singapura	23
Bab 4 : Maklumat tentang Pemulangan Stok di Malaysia dan Singapura	24

Peraturan Perniagaan

Pendahuluan	25
Bab 1 : Definisi	25
Bab 2 : Bagaimana Menjadi Seorang Pengedar	26
Bab 3 : Hak Pengedar	27
Bab 4: Hak Dan Tanggungjawab Pengedar Vice Manager Dan Ke Atas	28
Bab 5 : Prinsip Pemeliharaan Rangkaian Pengedar	29
Bab 6 : Previu Penyampaian Peluang	30
Bab 7 : Penggunaan Nama Shuang Hor	31
Bab 8 : Peraturan Untuk Bangsa Asing Yang Menjalankan Perniagaan Shuang Hor	31
Bab 9 : Cara Pengendalian Kes Penentangan Kontrak	31
Bab 10 : Kesahan Undang-undang Dan Konsensus	33
Bab 11 : Dasar Privasi (Malaysia)	33
Bab 12 : Dasar Privasi (Singapura)	35

Kaedah Pengagihan Bonus, Anugerah Dan Ganjaran

Pendahuluan

Cara pengagihan bonus, pemberian anugerah dan ganjaran Syarikat Shuang Hor adalah berdasarkan prinsip adil dan saksama, ia juga paling bernilai untuk menggalakkan para pengedar mencipta puncak kegemilangan. Asalkan anda sudi mencurahkan tenaga dan usaha, anda pasti dapat memperoleh hasil lumayan di alam tuah ini.

Bagi sesebuah perniagaan yang berjaya, selain mesti memiliki satu sistem sempurna sebagai tunjangan, pengusaha juga harus mengenali serta memahami prinsip-prinsip yang berkaitan dengan perniagaan ini secara mendalam. "Cara Pengagihan Bonus, Anugerah Dan Ganjaran" yang ditetapkan oleh Syarikat Shuang Hor dijelaskan seperti berikut:

Kami akan berbincang 2 bahagian utama dalam "Cara Pengagihan Bonus, Anugerah Dan Ganjaran" Syarikat Shuang Hor:

I. Bahagian Bonus

Bonus adalah dikira berdasarkan "nilai mata PV yang dicapai" pada bulan tersebut, ia terdiri daripada bonus prestasi dan bonus kepimpinan.

1. Bonus Prestasi

- Dikira berdasarkan jumlah nilai mata PV untuk penjualan produk anda dan organisasi downline anda pada bulan tersebut dengan merujuk kepada jadual standard bonus prestasi.
- Bonus prestasi harus dikira berdasarkan bentuk rangkaian asalnya.

2. Bonus Kepimpinan

- Kesemuanya 7 jenis bonus kepimpinan dari 1 Elit sehingga 13 Elit. Bahagian bonus ini telah dicipta berdasarkan tahap menegak dan melintang pada rangkaian penajaan anda.

II. Bahagian Anugerah

Anugerah Syarikat Shuang Hor telah dibahagikan kepada 7 jenis, iaitu pengedar Vice Manager, Senior Vice Manager, Special Vice Manager, Diamond, Double Diamond, Triple Diamond dan Gold Diamond.

Bonus dan anugerah Shuang Hor adalah dikira secara berasingan. Dengan lain kata, mungkin anda hanya mencapai anugerah Senior Vice Manager, jika anda memiliki 7 talian Elit pada bulan tersebut, anda masih boleh terima bonus kepimpinan 7 Elit. Dapatlah kita lihat bahawa, taraf anugerah tidak akan mempengaruhi jumlah bonus yang diterima, ia boleh berkembang serentak, juga dapat berkembang secara berasingan.

Sekarang, marilah kita menyelami kandungan penting dalam "Cara Pengagihan Bonus, Anugerah Dan Ganjaran" berdasarkan perkara-perkara berikut:

Bab 1 : Penentuan Bonus

I. Definisi Nama-nama Berkenaan

1. Nilai Mata PV (dipanggil PV)

- Nilai mata tetap bagi setiap produk, nilai mata ini tidak akan dipengaruhi oleh inflasi.
- Peratusan standard bonus yang dicapai setiap bulan ditentukan dengan berdasarkan perbezaan nilai mata PV ini. Ia juga dijadikan standard penentuan pelbagai anugerah dan ganjaran.
- Unit pengiraan ialah "mata".

2. Asas Pengiraan Bonus (dipanggil BV)

- Merupakan asas ukuran untuk mengira jumlah bonus.
- Asas pengiraan bonus akan diubahsuai mengikut inflasi.
- Unit pengiraan ialah :
"RM" untuk Malaysia
"\$" untuk Singapura

3. Jaminan Pendapatan Terendah

Setiap pengedar yang layak terima bonus kepimpinan 1 - 13 Elit, semasa terima pelbagai taraf bonus kepimpinan, pengedar itu mesti membekalkan jaminan pendapatan terendah kepada upline yang layak, iaitu hasil pengiraan daripada 13,000 mata bertukar kepada BV, kemudian didarab dengan standard peratusan pelbagai bonus kepimpinan (6.7% - 0.7%).

4. Standard Pengedar Elit

Untuk mencapai standard pengedar Elit, seseorang itu mesti memenuhi salah satu daripada syarat berikut pada bulan itu:

- Kumpulan individu mencapai standard bonus prestasi tertinggi 28% (13,000 mata atau lebih), ataupun
- Salah satu kumpulan yang ditaja itu mencapai standard bonus prestasi tertinggi 28%, pada masa yang sama kumpulan individunya mencapai 6,500 mata atau lebih, ataupun
- Terdapat 2 kumpulan atau lebih daripada kumpulan yang ditaja itu mencapai standard bonus prestasi tertinggi 28%.

5. Prestasi Kumpulan Individu

Jumlah nilai mata PV individu anda semasa membeli stok dan prestasi pengedar downline yang belum mencapai standard pengedar Elit dalam rangkaian downline anda.

II. Rancangan Perniagaan

Jualan Langsung Shuang Hor

Pendapatan anda dalam Perniagaan Shuang Hor akan semakin meningkat berikutan dengan usaha dan kejayaan anda dalam menjalankan penjualan dan penajaan. Cara pengiraan pelbagai jenis bonus dalam Perniagaan Shuang Hor telah dijelaskan seperti berikut:

A. Bonus Prestasi

1. Standard Penerimaan

- Anda akan layak terima bonus prestasi di peringkat tertentu jika nilai mata PV penjualan produk anda dan rangkaian downline anda dapat mencapai standard bonus prestasi pada bulan itu.
- Bonus prestasi akan diagihkan setiap bulan.

2. Cara Pengiraan


Nilai mata PV anda didarab dengan peratus standard bonus prestasi yang dicapai oleh rangkaian anda, kemudian ditambahkan dengan perbezaan bonus prestasi downline anda, menghasilkan bonus prestasi individu anda. Rujuk kepada contoh 1.

Semua contoh berikut mengandaikan Malaysia: $1PV = 1BV$, Singapura: $1PV = 0.375BV$ untuk memudahkan pengiraan anda. Pendapatan sebenar anda harus dikira berasaskan kadar PV/BV terbaru yang diumumkan dalam majalah bulanan. Jadual standard bonus prestasi ditunjukkan untuk memudahkan rujukan anda:

Jadual Standard Bonus Prestasi

Nilai Mata PV Bulanan	Peratus Standard Bonus Prestasi (%)
400 ~ 799	4
800 ~ 1,599	8
1,600 ~ 3,199	12
3,200 ~ 5,199	16
5,200 ~ 8,799	20
8,800 ~ 12,999	24
13,000 atau ke atas	28

Contoh 1: Andaikan anda dan downline A masing-masing mencapai 1,000 mata pada bulan itu, cara pengiraan bonus prestasi individu anda adalah seperti berikut :



Nilai mata PV individu anda ditambahkan dengan nilai mata PV downline A dapat mencapai standard prestasi 12%. Bonus prestasi individu anda ialah:


$$\text{Malaysia: } [1,000 \times 1BV \times 12\%] + [1,000 (A) \times 1BV \times (12\% - 8\%)] = \text{RM}120.00 + \text{RM}40.00 = \text{RM}160.00$$

$$\text{Singapura: } [1,000 \times 0.375BV \times 12\%] + [1,000 (A) \times 0.375BV \times (12\% - 8\%)] = \text{S\$}45.00 + \text{S\$}15.00 = \text{S\$}60.00$$

1. Perkembangan Dari Penjualan

Peratus bonus prestasi setiap bulan adalah ditentukan oleh nilai mata PV penjualan produk anda dan rangkaian downline anda pada bulan itu. Dengan lain kata, semakin tinggi nilai mata PV setiap bulan, semakin tinggi peratus standard bonus prestasi anda pada bulan itu, seperti contoh 2 dan 3.

Contoh 2: Andaikan nilai mata PV anda pada bulan itu ialah 1,000 mata, pendapatan anda adalah seperti berikut:




Bonus prestasi anda ialah:

$$\text{Malaysia: } 1,000 \times 1BV \times 8\% = \text{RM}80.00$$

$$\text{Singapura: } 1,000 \times 0.375BV \times 8\% = \text{S\$}30.00$$

Contoh 3: Andaikan nilai mata PV anda pada bulan seterusnya ialah 2,000 mata, maka pendapatan anda adalah seperti berikut:



Bonus prestasi anda ialah:

$$\text{Malaysia: } 2,000 \times 1BV \times 12\% = \text{RM}240.00$$

$$\text{Singapura: } 2,000 \times 0.375BV \times 12\% = \text{S\$}90.00$$

B. Bonus Kepimpinan

Perniagaan Shuang Hor ialah satu perniagaan yang dijalankan untuk selama-lamanya. Penerimaan bonus prestasi semata-mata satu permulaan. Selain memperkembangkan rangkaian secara melintang, anda juga harus membuat penajaan dan bimbingan dalam rangkaian secara menegak.

Semasa mengira bonus kepimpinan 1-13 Elit, cara menentukan bilangan talian Elit ialah $[(a + b) \div c] + d$ (angka bulat)

a : Nilai mata PV individu


b : Jumlah nilai mata downline yang belum mencapai standard bonus prestasi tertinggi 28%

c : 13,000 mata

d : Bilangan talian Elit yang asal (termasuk talian Elit antarabangsa)

Sekiranya bentuk penyusunan nilai mata yang diperoleh dengan kaedah tersebut tidak memenuhi standard pengedar Elit, pengiraan bonus kepimpinan harus dikira berdasarkan bentuk rangkaian nilai mata PV yang asal.

Penjelasan mengenai penentuan bilangan talian Elit adalah seperti berikut :



Contoh 6 : Penjelasan Tentang Gabungan PV Untuk Pengedar A

1. Nilai mata PV untuk pengedar A ialah 5,000 mata, downline pengedar D hanya mencapai 11,000 mata pada bulan tersebut iaitu belum mencapai standard bonus prestasi tertinggi 28%, jadi nilai mata PV boleh digabungkan.
2. Walaupun downline pengedar B mencapai hanya 3,000 mata, tetapi downline bagi B iaitu B1 sudah mencapai standard bonus prestasi tertinggi 28%. B dan C boleh dianggap sebagai talian Elit bagi A, jadi ia tidak termasuk dalam skop gabungan PV.
3. Jumlah nilai mata PV kepunyaan A dan D ialah 16,000 mata, satu talian Elit boleh dihasilkan. Baki 3,000 mata akan dikekalkan pada A, jadi pengedar A mempunyai 3 talian Elit pada bulan itu dan dapat memenuhi standard penerimaan bonus kepimpinan 3 Elit.

Bonus Kepimpinan 1 Elit (6.7%)

1. Standard Penerimaan


- Downline yang anda taja itu sudah mencapai standard pengedar Elit, manakala diri anda juga mencapai standard pengedar Elit.
- Bonus kepimpinan 1 Elit akan diagihkan pada setiap bulan.
- Jaminan pendapatan terendah 6.7% :
Apabila anda layak terima bonus kepimpinan 1 Elit, anda harus memberi jaminan pendapatan terendah 6.7% kepada upline anda yang memenuhi syarat prestasi 1 Elit.

2. Cara Pengiraan

(1) Penerimaan Keseluruhan Jumlah

Apabila kumpulan individu anda mencapai nilai mata PV 13,000 atau ke atas, pengiraan berdasarkan jumlah nilai mata PV semua downline generasi pertama anda yang mencapai standard pengedar Elit selepas ditukar kepada BV, didarabkan dengan 6.7% seperti contoh 7.

Untuk memudahkan pengiraan anda, gambar rajah berikut mengandaikan bentuk pengiraan bonus kepimpinan adalah bentuk rangkaian selepas penyusunan mata.
Malaysia: $1PV = 1BV$, Singapura: $1PV = 0.375BV$.



Dalam contoh 7, prestasi kumpulan individu bagi A mencapai 14,000 mata. Jadi bonus kepimpinan 1 Elit yang diterima oleh A ialah :

Malaysia: $(15,000 + 13,000) \times 1BV \times 6.7\% = RM1,876.00$


Singapura: $(15,000 + 13,000) \times 0.375BV \times 6.7\% = S\703.50

(2) Penerimaan Sebahagian Jumlah

Jika prestasi kumpulan individu anda belum mencapai 13,000 mata, ia tidak cukup untuk memberikan jaminan pendapatan terendah 6.7% kepada upline anda. Kekurangan itu mesti ditolak daripada bonus kepimpinan 1 Elit yang anda terima. Jadi anda hanya layak terima sebahagian daripada bonus kepimpinan, seperti contoh 8.

Cara Pengiraan

$\{(Prestasi\ kumpulan\ individu\ anda + jumlah\ nilai\ mata\ PV\ semua\ downline\ generasi\ pertama\ yang\ mencapai\ standard\ pengedar\ Elit - 13,000\ mata) \times nilai\ asas\ pengiraan\ bonus\ (BV) \times 6.7\% \}$



Dalam contoh 8, prestasi kumpulan individu bagi A mencapai 4,000 mata. Jadi bonus kepimpinan 1 Elit yang diterima oleh A ialah:

Malaysia: $(4,000 + 15,000 + 13,000 - 13,000) \times 1BV \times 6.7\% = RM1,273.00$

Singapura: $(4,000 + 15,000 + 13,000 - 13,000) \times 0.375BV \times 6.7\% = S\477.38

Bonus Kepimpinan 3 Elit (4%)


1. Standard Penerimaan

- 3 atau lebih rangkaian downline anda dapat mencapai standard pengedar Elit pada bulan itu.
- Bonus kepimpinan 3 Elit akan diagihkan pada setiap bulan.
- Jaminan pendapatan terendah 4% :
Apabila anda layak terima bonus kepimpinan 3 Elit, anda harus memberi jaminan pendapatan terendah 4% kepada upline anda yang memenuhi syarat prestasi 3 Elit.

2. Cara Pengiraan


- Bermula dari downline generasi kedua yang memenuhi standard pengedar Elit sehingga pengedar Elit generasi pertama bagi downline pertama yang layak terima bonus kepimpinan 3 Elit atau ke atas. Jumlah PV semua rangkaian pengedar ditukar kepada BV, kemudian didarab dengan 4%, bonus kepimpinan 3 Elit akan diperolehi.

(1) Penerimaan Keseluruhan Jumlah : Kumpulan Elit generasi pertama anda sudah mencapai nilai mata PV 13,000 atau ke atas, seperti contoh 9.



Dalam contoh 9, disebabkan downline generasi pertama bagi A, iaitu B, C dan D masing-masing mencapai 13,000 mata atau lebih, jadi A layak terima keseluruhan jumlah bonus kepimpinan 3 Elit, iaitu jumlah nilai mata PV untuk C1, C2, C3 dan D1 ditukar kepada BV, kemudian didarabkan dengan 4%, jumlahnya ialah RM2,360.00 / S\$885.00.

(2) Penerimaan Sebahagian Jumlah : Jika prestasi kumpulan individu pengedar Elit generasi pertama anda belum mencapai 13,000 mata, ia tidak cukup untuk memberikan jaminan pendapatan terendah kepada upline anda, jadi kekurangan itu mesti ditolak daripada bonus kepimpinan 3 Elit yang anda terima itu, seperti contoh 10.



Contoh 10 : Disebabkan downline generasi pertama bagi A iaitu C tidak mencapai 13,000 mata, jadi A hanya layak terima sebahagian daripada bonus kepimpinan 3 Elit, iaitu jumlah nilai mata PV bagi C, C1, C2, C3 dan C4 ditolak dengan 13,000 mata, ditambahkan lagi dengan nilai mata PV untuk D1, kemudian ditukar kepada BV, dan seterusnya didarabkan dengan 4%, jumlahnya ialah RM2,400.00 / S\$900.00.

Bonus Kepimpinan 5 Elit (2.7%)

Bonus Kepimpinan 7 Elit (1.3%)

Bonus Kepimpinan 9 Elit (0.7%)

Bonus Kepimpinan 11 Elit (0.7%)

Bonus Kepimpinan 13 Elit (0.7%)

Jika terdapat 5 rangkaian atau lebih downline mencapai standard pengedar Elit pada bulan tersebut, anda layak terima bonus kepimpinan 5 Elit. Jika anda mempunyai 7 rangkaian atau lebih downline mencapai standard pengedar Elit pada bulan tersebut, anda layak terima bonus kepimpinan 7 Elit dan seterusnya sehingga mencapai bonus kepimpinan 13 Elit.

III. Model Penerimaan Bonus


Skop penerimaan bonus kepimpinan 1 ~ 7 Elit adalah dijelaskan secara ringkas seperti berikut, manakala bonus kepimpinan 9 ~ 13 Elit juga boleh dikira mengikut cara yang sama.

Andaikan gambar rajah berikut adalah bentuk rangkaian selepas penyusunan mata untuk memudahkan pengiraan anda.

Malaysia: 1PV = 1BV, Singapura: 1PV = 0.375BV. Setiap titik ialah 13,000 mata.

Skop penerimaan berbagai jenis bonus adalah ditunjukkan seperti berikut :

Bonus Prestasi (28%)	:	
Bonus Kepimpinan 1 Elit (6.7%)	:	
Bonus Kepimpinan 3 Elit (4%)	:	
Bonus Kepimpinan 5 Elit (2.7%)	:	 + 
Bonus Kepimpinan 7 Elit (1.3%)	:	 +  + 



Jumlah Penerimaan Bonus

Nama Bonus	Jumlah	Cara Pengiraan	Skop Yang Dirangkumi
Bonus Prestasi	RM3,640.00 S\$1,365.00	$13,000 \times BV \times 28\%$	
Bonus Kepimpinan 1 Elit	RM6,097.00 S\$2,286.38	$13,000 \times BV \times 7 \times 6.7\%$	A1,B1,C1,D1,E1,F1,G1
Bonus Kepimpinan 3 Elit	RM7,280.00 S\$2,730.00	$13,000 \times BV \times 14 \times 4\%$	B2,B3,B4 C2,C3,C4,C5,C6,C7,C8 E2,E3,E4,E5
Bonus Kepimpinan 5 Elit	RM7,722.00 S\$2,895.75	$13,000 \times BV \times 22 \times 2.7\%$	B2,B3,B4 C2,C3,C4,C5,C6,C7,C8 E2,E3,E4,E5 E6,E7,E8,E9,E10,E11,E12,E13
Bonus Kepimpinan 7 Elit	RM4,732.00 S\$1,774.50	$13,000 \times BV \times 28 \times 1.3\%$	B2,B3,B4 C2,C3,C4,C5,C6,C7,C8 C9, C10,C11,C12,C13,C14 E2,E3,E4,E5 E6,E7,E8,E9,E10,E11,E12,E13
Pendapatan anda pada bulan itu: RM29,471.00 atau S\$11,051.63			

- Contoh-contoh yang ditunjukkan di atas semata-mata satu permulaan. Anda harus menentukan sendiri setakat mana perkembangan anda dan berapa bonus dapat diterima. Asalkan anda terus menjalankan penajaan dan duplikasi, Perniagaan Shuang Hor anda pasti dapat berjaya untuk selama-lamanya.

Bab 2 : Penentuan Anugerah

Anugerah Syarikat Shuang Hor telah dibahagikan kepada 7 jenis. Setiap anugerah itu menandakan pujian syarikat terhadap pencapaian anda. Kelayakan anugerah itu adalah ditentu berdasarkan talian Elit anda yang pasti itu. Talian Elit yang pasti = $A + B + C$

A : Talian Elit yang asal

B : Talian Elit antarabangsa

C : Bilangan talian Elit yang dihasilkan oleh komputer melalui penyusunan mata, iaitu nilai mata PV individu ditambah dengan jumlah PV downline yang belum mencapai standard bonus prestasi tertinggi 28%, kemudian dibahagi dengan 13,000 mata untuk mendapat angka bulatnya.

I. Pendedar Elit

Untuk menjadi seorang pendedar Elit yang layak, seseorang pendedar mesti memenuhi salah satu daripada syarat-syarat berikut pada bulan itu:

- Kumpulan individu mencapai standard bonus prestasi tertinggi 28% (13,000 mata atau lebih), atau
- Memiliki satu kumpulan penajaan yang mencapai bonus prestasi tertinggi 28% dan prestasi kumpulan individu mesti mencapai 6,500 mata atau lebih, atau
- Memiliki dua kumpulan penajaan yang mencapai bonus prestasi tertinggi 28%.

II. Pendedar Vice Manager

1. Pendedar Vice Manager

1. Standard Kelayakan

Pendedar itu mesti mencapai standard pendedar Elit untuk 2 bulan berturut-turut dalam tahun fiskal.

2. Standard Layak Semula

Pendedar itu mesti mencapai standard pendedar Elit untuk 2 bulan berturut-turut dalam tahun fiskal seterusnya. (Di antara bulan Januari hingga Disember)

3. Standard Anugerah

- a. Dianugerahkan dalam Perhimpunan Pendedar-pendedar Shuang Hor, dihadiahkan pin VM dan sijil pencapaian VM.
 - b. Melahirkan perasaannya dalam majalah suku tahunan Shuang Hor dan gambar akan diletakkan dalam majalah.
 - c. Dijemput untuk menghadiri Seminar Kepimpinan VM Baru selama 2 hari 1 malam yang dianjurkan oleh Syarikat Shuang Hor.
 - d. Layak menyertai Seminar Luar Negeri VM cemerlang.
- (Perhatian: a, b, c diadkan kepada pendedar yang layak buat kali pertama.)

2. Pendedar Senior Vice Manager

1. Standard Kelayakan

(Sudah layak sebagai VM), pendedar itu mesti menaja 3 kumpulan individu yang mencapai standard bonus prestasi 28% dalam satu bulan.

2. Standard Layak Semula

(Sudah layak sebagai VM), pendedar itu mesti mengekalkan 3 kumpulan yang mencapai standard bonus prestasi 28% dalam sebulan pada 12 bulan tahun fiskal seterusnya. (Di antara bulan Januari hingga Disember)

3. Standard Anugerah

- a. Dianugerahkan dalam Perhimpunan Pendedar-pendedar Shuang Hor, dihadiahkan pin Senior VM dan sijil pencapaian Senior VM.
 - b. Melahirkan perasaannya dalam majalah suku tahunan Shuang Hor dan gambar akan diletakkan dalam majalah.
 - c. Layak menyertai Seminar Luar Negeri VM cemerlang.
- (Perhatian: a, b diadkan kepada pendedar yang layak buat kali pertama.)

3. Penedar Special Vice Manager

1. Standard Kelayakan

(Sudah layak sebagai VM), penedar itu mesti menaja 5 kumpulan individu yang mencapai standard bonus prestasi 28% dalam satu bulan.

2. Standard Layak Semula

(Sudah layak sebagai VM), penedar itu mesti mengekalkan 5 kumpulan yang mencapai standard bonus prestasi 28% dalam sebulan pada 12 bulan tahun fiskal seterusnya. (Di antara bulan Januari hingga Disember)

3. Standard Anugerah

a. Dianugerahkan dalam Perhimpunan Penedar-penedar Shuang Hor, dihadiahkan pin Special VM dan sijil pencapaian Special VM.

b. Melahirkan perasaannya dalam majalah suku tahunan Shuang Hor dan gambar akan diletakkan dalam majalah.

c. Layak menyertai Seminar Luar Negeri VM cemerlang.

(Perhatian: a, b diadkan kepada penedar yang layak buat kali pertama.)

III. Penedar Diamond

1. Penedar Diamond

1. Standard Kelayakan

(Sudah layak sebagai VM), penedar itu mesti menaja 7 kumpulan individu yang mencapai standard bonus prestasi 28% dalam 6 bulan berturut-turut atau sekurang-kurangnya 9 bulan dalam setahun. (Tidak diadkan tahun fiskal)

2. Standard Layak Semula

(Sudah layak sebagai VM), penedar itu mesti mengekalkan 7 kumpulan yang mencapai standard bonus prestasi 28% dalam 3 bulan dan 3 kumpulan yang mencapai standard bonus prestasi 28% dalam 6 bulan pada 12 bulan tahun fiskal seterusnya. (Di antara bulan Januari hingga Disember)

3. Standard Anugerah

a. Dianugerahkan dalam Perhimpunan Penedar-penedar Shuang Hor, dihadiahkan pin Diamond dan sijil pencapaian Diamond.

b. Gambar diletakkan di halaman depan majalah dan laporan temu bual akan diterbitkan dalam majalah suku tahunan Shuang Hor.

c. Nama disenaraikan dalam ruangan Tokoh Kejayaan Kilang Yung Kien Taiwan.

d. Layak menyertai Seminar Luar Negeri VM cemerlang yang dianjurkan oleh Syarikat Shuang Hor di negara-negara jiran.

e. Layak menyertai Seminar Luar Negeri Diamond yang dianjurkan oleh Syarikat Shuang Hor di seluruh dunia.

f. Memenuhi salah satu syarat anugerah kereta untuk penedar Diamond.

g. Layak menikmati bonus tahunan.

h. Layak dijemput oleh Syarikat Shuang Hor untuk menyampaikan ceramah dalam pelbagai majlis dan seminar.

(Perhatian: a, b, c diadkan kepada penedar yang layak buat kali pertama.)

2. Penedar Double Diamond / Triple Diamond / Gold Diamond

1. Standard Kelayakan

(Sudah layak sebagai VM), penedar itu mesti menaja 9, 11 atau 13 kumpulan individu yang mencapai standard bonus prestasi 28% sekurang-kurangnya 6 bulan (tidak perlu berturut-turut) di antara 12 bulan dalam tahun fiskal. (Dikira dari bulan pertama mencapai kelayakan 9, 11 atau 13 Elit)

2. Standard Layak Semula

(Sudah layak sebagai VM), penedar itu mesti mengekalkan 9, 11 atau 13 kumpulan yang mencapai standard bonus prestasi 28% sekurang-kurangnya 6 bulan (tidak perlu berturut-turut) pada 12 bulan tahun fiskal seterusnya. (Di antara bulan Januari hingga Disember)

3. Standard Anugerah

a. Dianugerahkan dalam Majlis Anugerah Diamond Shuang Hor, dihadiahkan pin, sijil pencapaian dan trofi Double Diamond / Triple Diamond / Gold Diamond.

b. Dianugerahkan dalam majalah suku tahunan Shuang Hor.

c. Nama disenaraikan dalam ruangan Tokoh Kejayaan Kilang Yung Kien Taiwan.

d. Layak menyertai Seminar Luar Negeri VM cemerlang yang dianjurkan oleh Syarikat Shuang Hor di negara-negara jiran.

e. Layak menyertai Seminar Luar Negeri Diamond cemerlang yang dianjurkan oleh Syarikat Shuang Hor di seluruh dunia.

f. Layak menikmati bonus tahunan.

g. Layak dijemput oleh Syarikat Shuang Hor untuk menyampaikan ceramah dalam pelbagai majlis dan seminar.

(Perhatian: a, b, c diadkan kepada penedar yang layak buat kali pertama.)

Bab 3 : Cara Memberi Ganjaran

I. Menjejak Alam Kekayaan Shuang Hor • Diamond Dihadiah Kereta

1. Standard Kelayakan

1. Apabila anda sudah layak menjadi seorang Diamond, anda akan dihadiahkan sebuah kereta. Sekiranya kelayakan anda diperolehi dengan menggabungkan talian Elit penajaan antarabangsa, talian Elit antarabangsa ini harus ditolak dari pengiraan. Apabila mencapai syarat-syarat Diamond tempatan, barulah anda layak dihadiahkan kereta, iaitu menaja 7 kumpulan 28% dalam negeri untuk 6 bulan berturut-turut atau 9 bulan tidak berturut-turut dalam 12 bulan. Selepas penyusunan mata, jika lebih daripada 1 talian Elit dihasilkan, hanya 1 talian Elit akan diambil kira.
2. Pengedar-pengedar yang mematuhi undang-undang dalam Peraturan Perniagaan Shuang Hor dan tidak pernah dikenakan hukuman.

2. Cara Penghadiah Kereta

Malaysia:

1. Pengedar yang layak untuk kali pertama dikehendaki membuat permohonan dari tempoh masa 1 bulan sebelum dianugerah hingga jangka masa 3 bulan selepas mencapai anugerah. Permohonan lewat akan dianggap menarik diri.
2. Pengedar yang layak untuk kali kedua atau seterusnya, boleh memohon dengan Syarikat Shuang Hor sama ada hendak membeli kereta atau tidak.
3. Sekiranya kereta yang dibeli berharga lebih daripada RM60,000, anda dikehendaki menanggung baki wang lebih itu. Jika kereta itu berharga kurang daripada RM60,000, Syarikat Shuang Hor akan membayar jumlah wang berdasarkan harga kereta itu.
4. Kereta itu mesti dibeli atas nama pemohon atau pasangan.

Singapura:

1. Pengedar Diamond yang memenuhi syarat "Diamond Dihadiah Kereta", anda boleh memohon wang berjumlah S\$22,500 dengan Syarikat Shuang Hor sama ada hendak membeli kereta atau tidak.
2. Sila membuat permohonan dari tempoh masa 1 bulan sebelum dianugerah sehingga jangka masa 3 bulan selepas mencapai anugerah. Permohonan lewat akan dianggap menarik diri.
3. Sekiranya kereta yang dibeli berharga lebih daripada S\$22,500, anda dikehendaki menanggung baki wang lebih itu. Jika kereta itu berharga kurang daripada S\$22,500, Syarikat Shuang Hor akan membayar jumlah wang berdasarkan harga kereta itu.
4. Kereta itu mesti dibeli atas nama pemohon atau pasangan.

3. Cara Pembayaran

Malaysia:

1. Pada bulan anda mencapai kelayakan penghadiah kereta, syarikat akan membayar wang pendahuluan berjumlah RM18,000 bersama-sama cukai jalan untuk tahun pertama, bayaran pendaftaran dan bayaran insurans kepada anda.
2. Permohonan untuk membeli kereta kedua atau seterusnya, sekiranya hendak membeli kereta, cara pembayaran adalah seperti perkara 1 di atas. Jika pengedar itu enggan membeli kereta, syarikat akan membayar anda RM18,000 sebagai ganjaran pada bulan anda layak dihadiahkan kereta.
3. Baki wang RM42,000 sama ada hendak membeli kereta atau tidak, syarikat akan membayar mulai bulan kedua anda mencapai anugerah dengan mendarabkan ukuran bonus kepimpinan 1 Elit dengan 2.8% setiap bulan selama 2 tahun sehingga jumlah itu habis dibayar. Sekiranya anda tidak dapat terima kesemua RM42,000 dalam 2 tahun, tempoh masa pembayaran ansuran masih ditetapkan dalam masa 2 tahun.

Singapura:

1. Cara pembayaran untuk membeli kereta: Pada bulan anda mencapai anugerah Diamond, Syarikat Shuang Hor akan membayar wang pendahuluan berjumlah S\$6,750 bersama-sama cukai jalan untuk tahun pertama, bayaran pendaftaran dan bayaran insurans kepada anda.
2. Cara pembayaran untuk enggan membeli kereta: Jika anda enggan membeli kereta, syarikat akan membayar S\$6,750 kepada anda mulai bulan anda mencapai anugerah.
3. Baki wang S\$15,750 sama ada hendak membeli kereta atau tidak, syarikat akan membayar mulai bulan kedua anda mencapai anugerah dengan mendarabkan ukuran bonus kepimpinan 1 Elit dengan 2.8% setiap bulan selama 2 tahun sehingga jumlah itu habis dibayar. Sekiranya anda tidak dapat terima kesemua S\$15,750 dalam 2 tahun, tempoh masa pembayaran ansuran masih ditetapkan dalam masa 2 tahun.

4. Standard Layak Semula

1. Mulai anda mencapai kelayakan penghadiah kereta, sekiranya dapat memenuhi "Standard Kelayakan Kereta" 4 tahun kemudian dan masih bertaraf Diamond, anda boleh memohon ganjaran kereta mengikut "Kaedah Penghadiah Kereta."

II. Mencapai Anugerah Diamond Menikmati Bonus Tahunan

1. Matlamat

Sebagai ganjaran terhadap sumbangan pengedar-pengedar Diamond dalam Perniagaan Shuang Hor, syarikat akan mengagihkan bonus tahunan kepada pengedar-pengedar Diamond yang layak.

2. Kelayakan

Pengedar yang dapat memenuhi syarat Diamond baru atau Diamond yang layak semula pada tahun tersebut. Diamond hanya layak menikmati bonus tahunan Diamond jika dipastikan mematuhi Peraturan Perniagaan Shuang Hor dan tidak pernah dikenakan hukuman.

3. Tarikh Pengagihan

Dibayar sekaligus pada akhir bulan Januari tahun kemudian.

4. Standard Pengagihan

1. Pengagihan bonus Diamond adalah berdasarkan kaedah mata.
2. Apabila anda menaja satu kumpulan yang mencapai prestasi 28%, dan diri anda mencapai standard sebagai pengedar Elit, anda akan mendapat 1 mata.
3. Jumlah mata individu pada tahun tersebut adalah penambahan jumlah mata bulanan pada tahun itu.
4. Pengiraan dengan mata termasuk gabungan talian untuk pengiraan bonus, tetapi tidak termasuk talian Elit penajaan antarabangsa.

5. Cara Pengiraan

Jumlah Bonus Tahunan Untuk Pengedar Diamond Pada Tahun Fiskal:

$$\text{Jumlah Peruntukan Bonus Tahunan Syarikat} \times \frac{\text{Jumlah mata individu Diamond pada tahun itu}}{\text{Jumlah mata semua pengedar Diamond yang memenuhi syarat pada tahun itu}}$$

III. Mencapai Kejayaan Membawa Peluang Pelancongan

1. Seminar Luar Negeri Vice Manager Cemerlang

1.1 Kelayakan untuk penyertaan

Pengedar yang layak menyertai "Seminar Luar Negeri Vice Manager Cemerlang" merupakan pengedar Shuang Hor berstatus VM dan ke atas pada tahun lalu, mematuhi Peraturan Perniagaan Shuang Hor dan tidak ditamatkan hak pengedaran kerana menyalahi Peraturan Perniagaan Shuang Hor sebelum menyertai Seminar Luar Negeri.

1.2 Standard kelayakan

- (1) Pengumpulan nilai mata PV untuk Seminar Luar Negeri VM Cemerlang dikira berdasarkan tahun fiskal Syarikat Shuang Hor (1hb Januari sehingga 31hb Disember)
- (2) Standard kelayakan untuk peserta kali pertama adalah 16,000 mata.
Standard kelayakan untuk peserta kali kedua dan seterusnya ialah 21,000 mata.
- (3) Pengedar bertaraf Diamond pada tahun itu tidak dihadkan oleh kedua-dua standard kelayakan tersebut.

1.3 Cara Pengiraan

- (1) Bonus prestasi individu anda dibahagi dengan 4 kemudian didarab dengan 3/4.
- (2) Bonus kepimpinan 1 Elit anda didarab dengan 3/4.
- (3) Bonus kepimpinan antarabangsa 1 Elit anda didarab dengan 3/4.
- (4) Pengumpulan nilai mata PV untuk Seminar Luar Negeri VM Cemerlang = (1) + (2) + (3)

2. Seminar Luar Negeri Diamond

2.1 Kelayakan untuk penyertaan:

Pengedar yang layak menyertai Seminar Luar Negeri Pengedar Diamond merupakan pengedar Shuang Hor yang layak sebagai Diamond pada tahun lalu, mematuhi Peraturan Perniagaan Shuang Hor dan tidak ditamatkan hak pengedaran kerana menyalahi Peraturan Perniagaan Shuang Hor sebelum menyertai Seminar Luar Negeri.

- Semua perbelanjaan untuk kedua-dua seminar luar negeri itu termasuk tiket penerbangan, penginapan, makanan dan sebagainya adalah ditanggung dan diataurkan sepenuhnya oleh Syarikat Shuang Hor. Setiap hak pengedaran hanya dihadkan 2 orang peserta, iaitu nama pemohon dan pasangan dalam borang permohonan. Pengedar-pengedar yang memenuhi syarat-syarat tersebut tetapi tidak dapat menyertai adalah dianggap menarik diri.

Bab 4 : Penajaan Antarabangsa

1. Apakah Penajaan Antarabangsa

Semua pengedar Shuang Hor dikehendaki mematuhi undang-undang penajaan antarabangsa untuk memperkembangkan Perniagaan Shuang Hor di negara-negara yang telah ditubuhkan syarikat oleh Kumpulan Shuang Hor serta menikmati kebaikan penajaan antarabangsa, ini dinamakan “penajaan antarabangsa.”

Namun sistem penajaan antarabangsa ini tidak sesuai digunakan sebagai aktiviti penajaan di antara Malaysia, Singapura dan Indonesia. Dengan lain kata, Malaysia, Singapura dan Indonesia dianggap sebagai pasaran tunggal. Penajaan yang dijalankan di antara pengedar-pengedar Malaysia, Singapura dan Indonesia tidak dianggap sebagai penajaan antarabangsa.

Penaja Antarabangsa

Andaikan Kumpulan Shuang Hor telah mendirikan syarikat seberang laut di negara yang ditaja, secara kebetulannya anda mempunyai seorang kawan B di negara yang ditaja. Apabila anda memperkenalkan kawan B untuk menjadi pengedar Syarikat Shuang Hor di situ, anda dipanggil “penaja antarabangsa”, seperti Q dalam gambarajah.


Wakil Penaja

Apabila anda ingin memperkenalkan kawan B di negara ditaja untuk menjadi pengedar Shuang Hor di negara itu, anda harus minta Syarikat Shuang Hor di situ memperkenalkan kepada anda atau anda mencari sendiri seorang pengedar tempatan A untuk menaja dan membimbing kawan B anda. Pengedar A ini dinamakan “wakil penaja.”

Pengedar Antarabangsa (Orang Yang Ditaja)

Kawan B di negara yang ditaja telah menyertai Perniagaan Shuang Hor di situ mengikut prosedur penajaan antarabangsa, dia dipanggil “pengedar antarabangsa.”

Carta Penajaan Antarabangsa



Simbol	Lambang
	Penajaan langsung
	Wakil penaja
→	Penaja antarabangsa
P	Penaja upline bagi Q
Q	Penaja antarabangsa
X, Y	Pengedar dalam negara yang ditaja oleh Q
A	Wakil penaja
B	Pengedar Antarabangsa
B1	Pengedar dalam negara yang ditaja oleh B

2. Prosedur Penajaan Antarabangsa

Sekiranya anda sudah mempunyai sasaran penajaan di negara seberang laut yang didirikan syarikat oleh Kumpulan Shuang Hor, maka penajaan boleh dijalankan mengikut prosedur penajaan antarabangsa yang ditetapkan oleh Syarikat Shuang Hor.

Prosedur Penajaan Antarabangsa



3. Hak Penajaan Antarabangsa

Untuk menjamin hak pengedar dalam penajaan antarabangsa dan bersesuaian dengan perkembangan keseluruhan Kumpulan Shuang Hor di peringkat antarabangsa, pelbagai jenis hak dan ganjaran yang dihasilkan melalui sistem penajaan antarabangsa akan dikendalikan dengan penangguhan 1 bulan. Dengan lain kata, bonus antarabangsa atau bilangan talian Elit antarabangsa yang dihasilkan oleh negara yang ditaja pada bulan itu (misalnya prestasi Januari) hanya boleh diambil kira dalam negara penajaan antarabangsa pada bulan seterusnya (prestasi Februari).

Semua contoh-contoh berikut mengandaikan $1PV = 1BV$, dengan kadar pertukaran 1:1 untuk memudahkan pengiraan anda. Standard bonus prestasi tertinggi bagi negara penajaan antarabangsa dan negara yang ditaja ialah 28%. “Jadual Standard Bonus Prestasi” ditunjukkan untuk rujukan anda.

Jadual Standard Bonus Prestasi


PV Bulanan	% Standard Bonus Prestasi (%)
400 ~ 799	4
800 ~ 1,599	8
1,600 ~ 3,199	12
3,200 ~ 5,199	16
5,200 ~ 8,799	20
8,800 ~ 12,999	24
13,000 dan ke atas	28

I) Hak Penaja Antarabangsa

1. Standard Penentuan Anugerah

Penentuan kelayakan penaja antarabangsa harus mengambilkira talian yang mencapai standard pengedar Elit dalam penajaan antarabangsa, seperti contoh 1:

(Contoh 1)



Dalam contoh 1, pengedar antarabangsa B hanya mencapai PV 6,000 mata pada bulan Januari, tetapi pengedar downline B dalam negara iaitu B1 telah mencapai standard pengedar Elit, jadi B boleh dianggap sebagai satu talian Elit antarabangsa dan perlu diambilkira untuk menentukan kelayakan Q dalam negara. Pada bulan Februari, Q sudah layak menjadi seorang pengedar Senior VM.

2. Standard Penentuan Ganjaran

2.1 PV untuk Seminar Luar Negeri Vice Manager Cemerlang

Mendarabkan "bonus kepimpinan 1 Elit antarabangsa" dengan 3/4 untuk pengiraan PV.

2.2 Kelayakan Seminar Luar Negeri Diamond

Menggabungkan talian bertaraf pengedar Elit dalam penajaan antarabangsa untuk pengiraan kelayakan.

2.3 Penghaddiahan Kereta Untuk Diamond

Bilangan talian yang mencapai standard pengedar Elit disebabkan penajaan antarabangsa tidak akan diambil kira.

2.4 Bonus Tahunan Diamond


Talian Elit antarabangsa tidak akan dimasukkan dalam pengiraan.

3. Standard Pengiraan Bonus

3.1 Bonus Prestasi


Nilai mata PV yang dihasilkan oleh pengedar antarabangsa dalam negara yang ditaja itu tidak boleh dimasukkan dalam pengiraan kumpulan individu penaja antarabangsa seperti contoh 2. Apabila talian penajaan antarabangsa mencapai standard pengedar Elit, maka bonus boleh dikira berdasarkan standard bonus prestasi tertinggi seperti contoh 3.

(Contoh 2)



Dalam contoh 2, penaja antarabangsa Q tidak boleh menambahkan PV individu menjadi 16,000 mata (6,000 + 10,000) kemudian dikira dengan standard bonus prestasi tertinggi sebanyak 28%. Q hanya boleh mengira bonus berdasarkan 20% bagi 6,000 mata di situ.

(Contoh 3)




Dalam contoh 3, pengedar antarabangsa B telah mencapai standard pengedar Elit. Q boleh mengirakan bonus berdasarkan standard bonus prestasi tertinggi 28%.

3.2 Bonus Kepimpinan

Pengiraan pelbagai jenis bonus kepimpinan dalam negara bagi penaja antarabangsa harus menggabungkan talian penajaan antarabangsa yang sudah mencapai standard pengedar Elit, ia harus dikira berdasarkan taraf tertinggi yang dicapai, seperti contoh 4.

(Contoh 4)



Dalam contoh 4, penaja antarabangsa Q telah menaja 2 talian downline X dan Y dalam negara yang berjaya mencapai standard pengedar Elit. Manakala pengedar antarabangsa B1 mencapai standard pengedar Elit pada bulan Januari. Jadi Q layak menjadi seorang pengedar Senior VM pada bulan Februari serta memenuhi standard penerimaan bonus kepimpinan 3 Elit.

Talian penajaan antarabangsa B bagi penaja antarabangsa P tidak mencapai prestasi pada bulan Januari. Walaupun downline B iaitu B1 telah mencapai standard pengedar Elit, tetapi B1 merupakan pengedar antarabangsa yang ditaja oleh orang lain, jadi P tidak boleh membawa talian B balik ke negara penajaan untuk dikira pada bulan kedua, melainkan pengumpulan nilai mata PV untuk B dalam negara dapat mencapai 6,500 mata atau B berjaya menaja satu lagi rangkaian downline dalam negara yang mencapai standard pengedar Elit, barulah B boleh dianggap sebagai satu talian Elit antarabangsa.

4. Standard Pengiraan Dan Penerimaan


Bonus Kepimpinan Antarabangsa

4.1 Bonus Kepimpinan Antarabangsa 1 Elit

Standard Penerimaan : Apabila talian penajaan antarabangsa anda mencapai standard pengedar Elit, anda juga memenuhi salah satu syarat berikut:


1. Nilai mata PV kumpulan individu di negara sendiri mesti mencapai 6,500 mata atau lebih seperti contoh 5, atau
2. Menaja 1 atau lebih talian downline yang mencapai standard pengedar Elit dalam negara sendiri seperti contoh 6, atau
3. Satu talian penajaan antarabangsa yang lain juga mencapai standard pengedar Elit, iaitu menaja 2 talian penajaan antarabangsa yang mencapai standard pengedar Elit seperti contoh 7.

(Contoh 5)




Dalam contoh 5, pengedar antarabangsa B sudah mencapai standard pengedar Elit, manakala nilai mata PV bagi Q dalam negara telah melebihi 6,500 mata, jadi dia layak menerima 1/2 jaminan pendapatan terendah untuk bonus kepimpinan antarabangsa 1 Elit.

(Contoh 6)



Dalam contoh 6, pengedar antarabangsa B dan downline dalam negara bagi Q iaitu X sudah mencapai standard pengedar Elit, jadi Q layak menerima 1/2 jaminan pendapatan terendah untuk bonus kepimpinan antarabangsa 1 Elit.

(Contoh 7)




Dalam contoh 7, pengedar-pengedar antarabangsa B dan C masing-masing mencapai standard pengedar Elit, jadi Q juga layak menerima 1/2 jaminan pendapatan terendah untuk bonus kepimpinan antarabangsa 1 Elit.

Cara Pengiraan:

Dikira berdasarkan 1/2 daripada jaminan pendapatan terendah bonus kepimpinan 1 Elit dalam negara yang ditaja didarab dengan kadar pertukaran, bakinya akan diterima oleh upline pengedar antarabangsa yang layak, seperti contoh 8.

(Contoh 8)



Dalam contoh 8, andaikan jaminan pendapatan terendah untuk bonus kepimpinan 1 Elit dalam negara yang ditaja ialah $13,000 \times 1BV \times 6.7\%$, maka bonus kepimpinan antarabangsa 1 Elit bagi Q ialah: $(13,000 \times 1BV \times 6.7\%) \times 1/2 \times \text{kadar pertukaran}$.

4.2 Bonus Kepimpinan Antarabangsa 3 Elit Dan Ke Atas

Standard Penerimaan: Apabila talian penajaan antarabangsa anda mencapai standard prestasi 3 Elit dan ke atas, pada masa yang sama pencapaian prestasi anda di negara sendiri (termasuk talian penajaan antarabangsa) sudah mencapai kelayakan 3 Elit dan ke atas.

Cara Pengiraan

1. Dikira bermula dari generasi kedua downline yang mencapai standard pengedar Elit dalam penajaan antarabangsa sehingga downline pengedar Elit generasi pertama bagi downline pertama yang layak menerima bonus kepimpinan 3 ~13 Elit. 30% daripada bonus kepimpinan 3 Elit dan ke atas yang diperolehi daripada rangkaian jualan langsung penajaan antarabangsa akan dijadikan bonus kepimpinan antarabangsa 3 Elit dan ke atas, seperti contoh 9.
2. Apabila downline bagi pengedar antarabangsa juga merupakan seorang pengedar antarabangsa bagi negara penajaan antarabangsa yang lain pada masa yang sama, maka skop pengiraan bonus kepimpinan antarabangsa tidak boleh merangkumi prestasi rangkaian downline pengedar antarabangsa itu dengan syarat jaminan pendapatan terendah dipertimbangkan sebelum pemisahan. Cara pengiraannya adalah sama seperti pengiraan bonus kepimpinan 3 Elit atau ke atas dalam negara.


Untuk memudahkan pengiraan anda, semua contoh berikut mengandaikan setiap PV bagi negara penajaan antarabangsa dan negara yang ditaja ialah 13,000 mata, peratusan bonus kepimpinan adalah sama.

Standard peratusan pelbagai jenis bonus kepimpinan telah ditunjukkan untuk memudahkan rujukan anda:

Jadual Standard Bonus Kepimpinan

Jenis Bonus	Standard % Bonus Kepimpinan (%)
Bonus Kepimpinan 1 Elit	6.7
Bonus Kepimpinan 3 Elit	4.0
Bonus Kepimpinan 5 Elit	2.7
Bonus Kepimpinan 7 Elit	1.3
Bonus Kepimpinan 9 Elit	0.7
Bonus Kepimpinan 11 Elit	0.7
Bonus Kepimpinan 13 Elit	0.7

(Contoh 9)



Dalam contoh 9, penaja antarabangsa Q memiliki 2 talian Elit dalam negara, tambahan lagi dengan talian penajaan antarabangsanya B, maka sudah memenuhi standard penerimaan bonus kepimpinan antarabangsa 3 Elit. Cara pengiraan adalah seperti berikut:

Pengedar	Bonus Kepimpinan Antarabangsa
Q	Bonus Kepimpinan 1 Elit = $13,000 (B) \times 1BV \times 6.7\% \times 1/2 \times \text{kadar pertukaran}$ Bonus Kepimpinan 3 Elit = $[13,000 \times 5 (B1, B2, B3, B4, B6) \times 1BV \times 4\%] \times 30\% \times \text{kadar pertukaran}$

Bonus kepimpinan antarabangsa 3 Elit yang diterima oleh pengedar Q akan ditolak dari bonus upline U yang layak menerima bonus kepimpinan 3 Elit.

II) Hak Wakil Penaja

1. Standard Penentuan Anugerah

Boleh mengambilkira talian pengedar antarabangsa yang mencapai standard pengedar Elit sebagai standard penilaian kelayakan dan penentuan anugerah.

2. Standard Penentuan Ganjaran

Boleh mengambilkira nilai mata PV yang dihasilkan oleh pengedar antarabangsa itu sebagai standard penentuan pelbagai jenis ganjaran.

3. Standard Pengiraan Bonus

3.1 Bonus Prestasi


Boleh mendapat bahagian perbezaan bonus prestasi pengedar antarabangsa itu sehingga pengedar itu mencapai standard bonus prestasi tertinggi.

3.2 Bonus Kepimpinan 1 Elit

Sekiranya wakil penaja mencapai standard pengedar Elit serta membimbing pengedar antarabangsa itu mencapai standard pengedar Elit, maka boleh mendapat baki bonus kepimpinan selepas menolak bonus kepimpinan antarabangsa 1 Elit seperti contoh 10.

3.3 Bonus Kepimpinan 3 Elit Dan Ke Atas

Boleh mengambilkira nilai mata PV penajaan antarabangsa itu yang mencapai standard pengedar Elit untuk pengiraan pelbagai bonus kepimpinan. Mereka yang layak terima bonus kepimpinan bahagian itu harus menolak 30% daripadanya untuk dijadikan bonus kepimpinan antarabangsa 3 Elit dan ke atas.



Dalam contoh 10, pengedar antarabangsa B dan wakil penajanya A telah mencapai standard pengedar Elit. Jadi A boleh mendapat baki bonus selepas tolak bonus kepimpinan antarabangsa 1 Elit.

Cara-cara Memesan Stok & Maklumat tentang Pemulangan Stok

Semua pengedar Shuang Hor boleh memesan melalui online, memesan stok terus dengan Syarikat atau pusat-pusat pembekalan produk.

Bab 1: Cara Memesan Stok Melalui Online di Malaysia, Singapura

1) *Pemesanan Stok Melalui Online (Isnin hingga Ahad): 5.00am ~ 11:00pm*

Laman web: www.shuanghor.com.my ● www.shuanghor.com.sg

- a) *Pengedar boleh memesan stok melalui online dan boleh juga membantu downline dalam kumpulan pengedar untuk memesan stok.*
- b) *Pengedar boleh membantu downline dari negara hak pengedaran termasuk Malaysia, Singapura dan Indonesia untuk memesan stok melalui online, cuma borang pemesanan negara hak pengedaran mesti diasingkan dan setiap borang pemesanan mesti lengkap transaksi kewangannya barulah dapat diteruskan pemesanan stok untuk negara hak pengedaran yang lain pula.*
- c) *Harga stok adalah mengikut senarai harga negara hak pengedaran dan mesti dibayar mengikut nilai mata wang negara tersebut. Tukaran mata wang asing hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan oleh bank pengeluar kad kredit pembayar.*
- d) *Cara Pembayaran: Dihadkan kepada Kad Kredit Peribadi Pengedar (Visa / Master)*
- e) *Jika hari urusan terakhir bulanan di Malaysia, Singapura dan Indonesia jatuh pada hari kelepasan am atau hari Ahad, maka semua rekod transaksi pemesanan stok melalui online pada tarikh tersebut akan dianjak ke hari pertama bulan yang berikutnya secara automatik, dan nilai mata PV akan dimasukkan ke bulan yang berikutnya.*
- f) *Waktu penggalan tarikh urusan terakhir bulanan Pemesanan Stok Melalui Online ialah 12:00 tengah hari.*
- g) *Maklumat Penghantaran Stok:*
 - i) *Pilih Perkhidmatan Kurier*
 - *Malaysia: Tempahan yang telah siap dibayar sebelum 12:30pm akan diuruskan pada hari kerja yang sama. Tempahan yang dibayar selepas 12:30pm akan diuruskan pada hari kerja pertama yang berikutnya.*
 - *Singapura: Tempahan yang telah siap dibayar sebelum 12:30pm akan diuruskan pada hari kerja yang sama. Tempahan yang dibayar selepas 12:30pm akan diuruskan pada hari kerja pertama yang berikutnya.*
 - ii) *Pilih Pengambilan stok di kaunter*
 - *Tidak terikat dengan sekatan waktu di atas, malah boleh mengambil stok pada jam 12:00 tengah hari pada hari yang berikutnya.*
- h) *Bayaran pengangkutan Pemesanan Stok Melalui Online, sila rujuk carta "jumlah yang ditetapkan untuk pengangkutan percuma" untuk Pemesanan Stok Segera dan Pemesan Stok Melalui Pemindahan Telegrafik di negara itu. Tetapi Pemesanan Stok Melalui Online yang dibuat pada waktu yang berbeza pada hari yang sama tidak boleh digabungkan untuk pengangkutan percuma.*

Bab 2: Cara-cara Lain Yang Memesan Stok di Malaysia

Pusat Pembekalan Produk Kuala Lumpur

No. 54, Jalan Tago 2, Taman Perindustrian Tago,
Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +60-3-6275 8818 WhatsApp: +60-12-463 6641

Pusat Pembekalan Produk Kota Kinabalu

Lot B-G-7, B-G-8, B-G-9, & B-G-10, Ground Floor,
Plaza Impian Inanam, Lorong Plaza Impian Inanam,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Tel: +60-88 396 011
WhatsApp: +60-12 463 6692

Pusat Pembekalan Produk Pulau Pinang

No. 148, Tingkat 3, Jalan Hutton,
10050 Pulau Pinang, Malaysia.
Tel: +60-4-226 4848 WhatsApp: +60-12-463 6625

Pusat Pembekalan Produk Kuching

Sublot 11, Royal Bay Commercial Centre,
Jalan Buruh, 93450 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: +60-82 552 470
WhatsApp: +60-12 463 6001

Pusat Pembekalan Produk Johor Bahru

No. 19-25, Jalan Utama 43, Taman Mutiara Rini,
81300 Skudai, Johor, Malaysia.
Tel: +60-7-554 7668 WhatsApp: +60-12-463 6642

Pusat Servis Miri

Lot 2122, 1st Floor, Block 4, MCLD Jalan Krokop Utama,
Krokop 98000 Miri, Sarawak, Malaysia.
Tel: +601-6-851 9765 / +60-12-8771016

Cara-cara Memesan Stok

1) Pemesanan Stok Segera (Isnin hingga Jumaat dan hari tambahan urusan Sabtu yang terakhir dalam sebulan):

8:30am ~ 4:30pm.

Pengedar boleh memesan dan mengambil stok di kaunter Pusat Pembekalan Produk Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Kota Kinabalu atau Kuching dengan wang tunai, kad kredit (Master / Visa) atau kad debit.

2) Pemesanan Stok Melalui Pemindahan Telegrafik: Isnin hingga Jumaat. Pengedar boleh mendail talian atau whatsapp 010-468 0436 untuk memesan stok. Pengedar-pengedar boleh membayar dengan cara-cara berikut:

Cara Pembayaran Untuk Memesan Stok

I) Membayar melalui bank (bayaran prosedur akan dibiayai oleh pihak syarikat):

Ruang penerima sila tuliskan: **Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd.**

● Public Bank Berhad: Nombor akaun 3-9990647-36

Sila tuliskan nombor pengedaran anda di ruang rujukan slip pembayaran.

● Maybank: Nombor akaun 5-14011-53677-6

Selepas pembayaran dibuat, sila dail 010-468 0436 untuk memaklumkan "Masa Transaksi" di atas slip pembayaran.

II) Bank Internet (Pembayaran):

● Public Bank Berhad (bayaran prosedur akan dibiayai oleh pihak syarikat).

Bank Internet www.pbepbank.com.my (membayar melalui "Bill Payment")

- Klik "Payment / Recharge" – pilih "Bill Payment" – pilih penerima (Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd.) – sila masukkan nombor pengedaran anda di ruang "Distributor file No."

● Maybank Berhad (bayaran prosedur: setiap urusan dikenakan bayaran RM0.50).

Bank Internet www.maybank2u.com.my (membayar melalui "Bill Payment")

- Klik "Bill Payment" – view all payees by category – Direct Selling - pilih (Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd.) – sila masukkan nombor pengedaran anda di ruang "Bill account No."

III) Bayaran dengan kad kredit bukan di kaunter pengeluaran stok:

a) 9:00am ~ 11:00am: Tempahan stok akan diuruskan pada hari yang sama selepas pembayaran berjaya.

b) Selepas pukul 11:00am: Tempahan stok akan diuruskan pada hari urusan seterusnya.

- Bayaran dengan kad kredit bukan di kaunter pengeluaran stok buat kali pertama, sila lengkapkan "Borang Permohonan Penggunaan Kad Kredit Pengedar", kemudian faks atau menghantar salinan kad pengenalan, muka depan dan belakang kad kredit ke Syarikat Shuang Hor untuk menguruskan prosedur pembayaran dengan kad kredit. Cara pembayaran ini hanya berkesan selepas fail dibentuk oleh pihak syarikat.
- Apabila penggunaan dibenarkan, setiap pemesanan stok hanya perlu melengkapkan "Borang Tempahan Pengedar Pembayaran Dengan Kad Kredit" dan "Borang Tempahan". Sila whatsapp 010-468 0436, kemudian menghubungi 010-468 0436 sebelum pukul 11:00am untuk memastikan pihak syarikat telah menerima faks tempahan stok anda.

Bayaran Pengangkutan

Dearah	Stok yang ditempah kurang daripada	Bayaran Pengangkutan
Semenanjung Malaysia	RM500	RM10
Malaysia Timur	RM500	RM10

* Dalam satu bayaran.

Perkara yang perlu diberi perhatian ketika menerima stok:

- 1) Setelah menerima butiran dan bayaran pesanan stok, Syarikat akan memastikan transaksi tersebut telah dimuktamadkan dan menghubungi syarikat kurier untuk menyerahkan stok yang dipesan pada hari itu juga. Lazimnya, syarikat kurier akan menyerahkan stok pesanan dalam tempoh 3~5 hari kerja di alamat yang ditetapkan bermula dari tarikh penerimaan stok. Stok ditempah pada tarikh urusan terakhir bulanan dan Sabtu terakhir bulan diserahkan kepada syarikat kurier pada hari kerja berikutnya.
- 2) Semasa menerima stok, sila pastikan perkara-perkara yang berikut:
 - (a) pembungkusan tiada cacat cela.
 - (b) stok yang diterima betul dan jumlahnya tepat.
 - (c) Nombor Sales Invoice dan Nama yang tertera di atasnya tepat dan betul.Jika berlaku sebarang keadaan yang sebaliknya, sila hubungi Shuang Hor di talian +60-3-2389 2973 dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan stok untuk memohon penggantian stok; jika aduan diterima selepas tempoh tersebut, Syarikat menganggap pemesan mengakui menerima stok dengan baik.
- 3) Jika anda masih belum menerima stok yang dipesan setelah berjaya membuat transaksi pesanan stok pada hari ketiga, atau anda ingin mengetahui cara membuat pesanan stok dan pembayaran, sila hubungi talian +60-3-2389 2973 untuk pertanyaan.

Bab 3: Cara-cara Lain Yang Memesan Stok di Singapura

Shuang Hor (Singapore) Pte Ltd

66 Kallang Pudding Road, #05-02, Hor Kew Business Centre, Singapore 349324.

Tel: +65-6846 9288

Cara-cara Memesan Stok

- 1) **Pemesanan Stok Segera** (Isnin hingga Jumaat dan hari tambahan urus niaga Sabtu yang terakhir dalam sebulan): 9:00am ~ 6:00pm
Pegedat boleh menempah dan mengambil stok di kaunter Syarikat Shuang Hor dengan wang tunai, Nets Card atau kad kredit (Master/ Visa).
- 2) **Pemesanan Stok Melalui Pemindahan Telegrafik**: Isnin hingga Jumaat dan hari tambahan urusniaga Sabtu yang terakhir dalam sebulan: 9:00am ~ 6:00pm.

Cara Pembayaran Untuk Memesan Stok

Pegedat boleh mendail talian percuma 1-800-846 8107 untuk menempah stok, kemudian memasukkan wang ke akaun berikut (bayaran prosedur akan dibiayai oleh pihak syarikat). Ruang penerima sila tuliskan: **Shuang Hor (Singapore) Pte Ltd**

- **OCBC Bank: Nombor akaun 501-575500-001**

Bayaran Pengangkutan

- Sekiranya alamat penghantaran stok berada di Singapura dan jumlah stok yang ditempah kurang daripada S\$200.00, pegedat dikehendaki membayar S\$10.00 lebih sebagai bayaran pengangkutan.
- * Dalam satu bayaran.

Perkara yang perlu diberi perhatian ketika menerima stok:

- 1) Setelah menerima butiran dan bayaran pesanan stok, Syarikat akan memastikan transaksi telah dimuktamadkan dan menghubungi syarikat kurier untuk menyerahkan stok pada hari itu. Lazimnya, syarikat kurier akan menyerahkan stok dalam tempoh 1-2 hari kerja di alamat yang ditetapkan bermula dari tarikh penerimaan stok.
- 2) Semasa menerima stok, sila pastikan perkara-perkara yang berikut:
 - (a) pembungkusan tiada cacat cela.
 - (b) stok yang diterima betul dan jumlahnya tepat.
 - (c) Nombor Sales Invoice dan Nama yang tertera di atasnya tepat dan betul.Jika berlaku sebarang keadaan yang sebaliknya, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Shuang Hor di talian 1-800-846 8107 dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan stok untuk memohon penggantian stok; jika aduan diterima selepas tempoh tersebut, Syarikat menganggap pemesan mengakui menerima stok dengan baik.
- 3) Jika anda masih belum menerima stok yang dipesan setelah berjaya membuat transaksi pesanan stok pada hari ketiga, atau anda ingin mengetahui cara membuat pesanan stok dan pembayaran, sila hubungi talian 1-800-846 8107 untuk pertanyaan.

Bab 4: Maklumat tentang Pemulangan Stok di Malaysia & Singapura

1. Tempoh permohonan untuk pemulangan stok:

Pengedar mesti membuat permohonan dalam tempoh 30 hari bermula dari tarikh penamatan keahliannya.

* Pengedar yang diberhentikan keahliannya kerana melanggar Peraturan Perniagaan Shuang Hor tidak akan diterima permohonan pemulangan stoknya.

2. Skop pemulangan stok:

Baki stok yang dibeli sendiri dan belum dijual lagi. Produk-produk berikut tidak boleh dipulangkan.

- a) Alat bimbingan yang tiada pengiraan nilai mata PV.
- b) Produk-produk yang tidak boleh dijual lagi kerana telah digunakan, tarikh luput keluaran telah tamat atau kualiti produk telah dimusnahkan...dan lain-lain.

3. Kaedah pemulangan stok:

Semua pengedar hanya boleh memulangkan stok di kaunter-kaunter Pusat Pembekalan Produk Shuang Hor. Pemulangan stok melalui pos tidak akan dilayan.

4. Bahan-bahan lampiran:

- a) Borang Permohonan untuk Pengunduran Hak Pengedaran.
- b) "Sales invoice" asal pengedar:
 - Malaysia: Tarikh "sales invoice" tidak boleh melebihi 30 hari dari tarikh penempahan stok
 - Singapura: Tarikh "sales invoice" tidak boleh melebihi 60 hari dari tarikh penempahan stok
- c) Borang permohonan untuk Pemulangan Stok.
- d) Produk yang hendak dipulangkan.

5. Pengiraan harga produk yang dipulangkan:

Pengiraan berdasarkan 100% harga pengedar bagi produk yang hendak dipulangkan.

6. Bayaran servis:

Pihak syarikat akan mengenakan 10% daripada harga produk (harga pengedar) yang dipulangkan sebagai bayaran servis.

7. Cara pengiraan jumlah wang yang dipulangkan:

Jumlah wang yang dipulangkan perlu tolak bayaran servis dan jumlah bonus yang telah dibayar kepada pemohon termasuk :

- a. Bonus Prestasi
- b. Bonus Kepimpinan
- c. Pelbagai bonus ganjaran lain, seperti bonus Diamond, bonus pembelian kereta, belanja untuk seminar luar negeri dan lain-lain lagi. Lebihan bonus yang diterima oleh upline pemohon selepas pemulangan produk juga akan ditolak, seperti:
 - (i) Bonus Prestasi
 - (ii) Bonus Kepimpinan
 - (iii) Pelbagai bonus ganjaran lain, seperti bonus Diamond, bonus pembelian kereta, belanja untuk seminar luar negeri dan lain-lain lagi.

8. Kaedah pemulangan wang:

Baki wang akan dibayar melalui cek kepada pemohon yang layak. (Pembayaran akan dibuat dalam masa 30 hari)

9. Lampiran:

Jika terdapat sebarang perubahan atau penambahan perkara tentang pemulangan stok, pengubahsuaian akan menjadi sah selepas diumumkan dalam suku tahunan majalah Shuang Hor atau dokumen-dokumen sah Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd. dan Shuang Hor (Singapore) Pte Ltd.

Peraturan Perniagaan

Pendahuluan

Peraturan Perniagaan ini berperanan sebagai penghubung di antara Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd. dan Shuang Hor (Singapore) Pte Ltd. dengan pengedar-pengedar. Ia juga sesuai digunakan dalam perhubungan pemasaran sesama pengedar.

Matlamat panduan ini ialah untuk menjamin hak pengedar dalam rancangan jualan langsung serta memupuk keharmonian di antara pengedar-pengedar supaya semua pengedar yang menjual produk dapat menikmati peluang keuntungan yang adil dan saksama, hak juga dapat dijamin dengan sepenuhnya.

Bab 1 : Definisi

1.1 Syarikat Shuang Hor

"Syarikat Shuang Hor" dalam Peraturan Perniagaan ini bermakna Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd. atau Shuang Hor (Singapore) Pte Ltd. Nama ini tidak membawa maksud lain melainkan diberi penerangan khas.

1.2 Pengedar

Selepas ditaja oleh seorang penaja dan permohonan anda diluluskan oleh Syarikat Shuang Hor, anda akan berhak menjual produk-produk Shuang Hor dan menaja orang lain untuk menjadi pengedar downline. Anda juga digelar "Pengedar yang berkuasa terhadap produk Shuang Hor."

1.3 Penaja

Apabila anda ditaja oleh seorang pengedar Shuang Hor untuk menyertai Perniagaan Shuang Hor, maka pengedar itu ialah penaja anda dalam Perniagaan Shuang Hor.

1.4 Orang Yang Ditaja

Apabila anda ditaja oleh seorang pengedar Shuang Hor untuk menyertai Perniagaan Shuang Hor, anda adalah orang yang ditaja oleh penaja itu dalam Perniagaan Shuang Hor.

1.5 Hak Pengedaran

Selepas anda menjadi pengedar Shuang Hor, anda dapat menikmati semua hak dan kebaikan dalam Perniagaan Shuang Hor. Hak pengedaran yang anda miliki dalam Perniagaan Shuang Hor termasuk membeli produk, menjual, menaja, membimbing, menikmati bonus, terima anugerah dan sebagainya.

1.6 Pengedar Upline (Downline)

Apabila anda ditaja oleh seorang penaja untuk menjadi pengedar Shuang Hor, penaja itu ialah pengedar upline anda, manakala anda ialah pengedar downline bagi penaja itu.

1.7 Borang Permohonan Untuk Penukaran Hak Pengedaran

Borang permohonan untuk menukarkan hak pengedaran disebabkan oleh masalah pekerjaan atau perkara-perkara lain.

1.8 Borang Permohonan Untuk Memberhentikan Hak Pengedaran

Borang permohonan di mana seseorang itu sudi memberhentikan semua hak yang dinikmatinya sebagai seorang pengedar Shuang Hor.

1.9 Previu Penyampaian Peluang (OPP)

Menerangkan produk dan sistem Perniagaan Shuang Hor kepada kawan-kawan baru.

1.10 Prinsip Harga Tunggal Untuk Produk

Semasa seseorang pengedar itu menyertai Perniagaan Shuang Hor, dia harus mematuhi prinsip harga tunggal untuk penjualan produk supaya dapat memelihara hak semua pengedar.

Bab 2 : Bagaimana Menjadi Seorang Pengedar

2.1 Permohonan

- 2.1.1 Sesiapa sahaja yang memiliki mana-mana kelayakan berikut, selepas ditaja oleh "pengedar yang berkuasa terhadap produk Shuang Hor" (digelar pengedar), dia boleh memohon "hak pengedaran terhadap produk Shuang Hor" (digelar hak pengedaran) daripada Syarikat Shuang Hor. Pemohon yang cukup 18 tahun atau lebih, dan tidak berada di bawah pengawasan undang-undang barulah boleh menjadi pengedar Shuang Hor. Mereka yang dapat membuktikan dirinya telah berkahwin tidak dikenakan had ini. Seorang individu di Singapura boleh menjadi pengedar Shuang Hor apabila mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan untuk mengikat perjanjian di bawah sebarang undang-undang yang mengawalinya. Jika pemohon itu berumur antara 18 tahun dan di bawah 21 tahun, surat persetujuan dari penjaga diperlukan.
- 2.1.2 Selain syarat-syarat yang ditetapkan tersebut, pemohon juga tidak berlaku keadaan-keadaan seperti berikut :
- 2.1.2.1 Pernah dibatalkan hak pengedaran kerana melanggar peraturan Perniagaan Shuang Hor.
- 2.1.2.2 Pernah mencemar reputasi Syarikat Shuang Hor.
- 2.1.2.3 Keadaan-keadaan yang dianggap tidak layak memohon hak pengedaran oleh Syarikat Shuang Hor.
- 2.1.3 Orang-orang asing yang ingin membuat permohonan, sila rujuk kepada Bab 8 "Peraturan Untuk Bangsa Asing Yang Menjalankan Perniagaan Shuang Hor".

2.2 Prosedur

Mereka yang ingin memohon sebagai pengedar Shuang Hor harus melengkapkan "borang permohonan pengedar yang berkuasa terhadap produk Shuang Hor" (dipanggil borang permohonan), kemudian menyerah atau mengirimkan borang itu ke Syarikat Shuang Hor.

2.3 Pemberian Kuasa

Syarikat Shuang Hor akan memaklumkan pemohon melalui surat mengenai keputusan permohonan ini. Syarikat Shuang Hor berhak mempertimbangkan permohonan tanpa perlu memberitahu alasan tentang permohonan yang ditolak itu (termasuk permohonan untuk pembaharuan keahlian).

2.4 Sah

Hak pengedaran menjadi sah hanya selepas "kad pengedaran" diserahkan oleh pihak Syarikat Shuang Hor.

2.5 Tempoh Masa Pemberian Kuasa

Bermula dari tarikh pengeluaran "kad pengedaran" sehingga 31hb Disember tahun seterusnya.

2.6 Pembaharuan Keahlian

Apabila permohonan untuk pembaharuan keahlian diluluskan, maka hak pengedaran yang asal itu dapat diteruskan.

- 2.6.1 Pengedar-pengedar yang diberi kuasa oleh syarikat harus membaharui keahlian sebelum penamatan tempoh masa pemberian kuasa, syarikat berhak membuat pertimbangan terhadap pembaharuan keahlian.
- 2.6.2 "Pembaharuan Keahlian Segera" boleh diuruskan di syarikat atau kaunter pusat-pusat pembekalan produk oleh pemohon sendiri. Tempoh masa permohonan bermula dari 1hb Oktober sehingga 31hb Disember pada tahun pemberian kuasa. Manakala tempoh masa permohonan untuk "Pembaharuan Keahlian Melalui Pos" bermula dari 1hb Oktober sehingga 15hb Disember pada tahun pemberian kuasa, (berdasarkan cap pos). Permohonan lewat tidak akan dilayan.
- 2.6.3 Tempoh sah bagi pembaharuan keahlian yang lulus adalah bermula dari 1hb Januari sehingga 31hb Disember pada tahun seterusnya.
- 2.6.4 Mereka yang tidak membaharui keahlian, tempoh hak pengedarannya akan tamat berdasarkan tarikh dalam Perkara 2.5 "Tempoh Masa Pemberian Kuasa".
- 2.6.5 Selepas tempoh sah berakhir, sekiranya pengedar itu ingin memohon hak pengedaran Shuang Hor semula, permohonan hanya boleh dibuat selepas 6 bulan tempoh sah itu berakhir, pemohon juga tidak mempunyai sikap-sikap berikut:
- 2.6.5.1 Tempoh masa 6 bulan yang disebutkan dalam perkara ini bermakna pengedar itu dilarang menjalankan aktiviti-aktiviti berikut dalam tempoh masa itu. Sekiranya pengedar yang ingin memohon penyertaan semula atau dibenarkan menyertai semula selepas tempoh masa itu didapati pernah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut, pihak syarikat berhak menolak permohonan itu atau membatalkan hak pengedarannya .
- 2.6.5.2 Dilarang menjual apa-apa produk Shuang Hor dengan menggunakan identiti sebagai pengedar Shuang Hor.
- 2.6.5.3 Dilarang menjalankan aktiviti penajaan dengan menggunakan identiti sebagai pengedar Shuang Hor.
- 2.6.5.4 Dilarang menghadiri apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh Syarikat Shuang Hor atau Sistem dengan menggunakan identiti sebagai pengedar Shuang Hor.
- 2.6.6 Selepas tamat tempoh pemberian kuasa, jika pengedar ingin kembali ke rangkaian asal penaja, dia boleh memohon hak pengedaran Shuang Hor semula. Hak yang diperolehi ialah hak pengedaran baru. Downline yang asalnya tidak boleh dikekalkan dan tidak dihadkan oleh tempoh masa 6 bulan yang disebutkan di depan. Sekiranya penaja asal itu kehilangan hak pengedaran, maka taraf uplinenya akan dipertingkatkan.

- 2.7 Sekiranya pengedar itu membekalkan butir-butir yang tidak tepat dalam borang permohonan atau borang pembaharuan keahlian (termasuk bukan tandatangan pengedar sendiri), Syarikat Shuang Hor berhak menolak permohonan itu.

2.8 Memberhentikan Hak Pengedaran

Pengedar-pengedar dikehendaki memaklumkan syarikat dengan mengepikan maklumat berkenaan yang lengkap sekiranya ingin menamatkan hak pengedarannya dengan rela hati. Mereka yang ingin memulangkan stok boleh membuat permohonan mengikut prosedur pemulangan stok.

2.8.1 Selepas memberhentikan hak pengedaran, pengedar dilarang bersikap seperti berikut:

2.8.1.1 Dilarang menjual apa-apa produk Shuang Hor dengan menggunakan identiti sebagai pengedar Shuang Hor.

2.8.1.2 Dilarang menjalankan aktiviti penajaan dengan menggunakan identiti sebagai pengedar Shuang Hor.

2.8.1.3 Dilarang menghadiri mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh Syarikat Shuang Hor atau Sistem dengan menggunakan identiti sebagai pengedar Shuang Hor.

2.8.2 Jika pengedar itu ingin memohon hak pengedaran semula selepas memberhentikan hak pengedaran, permohonan hanya boleh dibuat selepas 6 bulan tempoh sah itu berakhir. Tempoh masa 6 bulan yang disebutkan bermakna pengedar itu dilarang menjalankan aktiviti-aktiviti seperti Perkara 2.8.1 dalam tempoh masa itu. Sekiranya pengedar yang ingin memohon penyertaan semula atau dibenarkan menyertai semula selepas tempoh masa itu didapati pernah menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut, pihak syarikat berhak menolak permohonan itu atau membatalkan hak pengedarannya.

Bab 3 : Hak Pengedar

3.1 Memesan Stok, Menukar Stok dan Memulangkan Stok

Semua pengedar Shuang Hor boleh membuat pesanan stok secara langsung dengan Syarikat atau Pusat Pembekalan Produk. Untuk keterangan lanjut dan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian, sila rujuk halaman 21 buku ini di bawah tajuk Cara-cara Memesan Stok dan halaman 24 di bawah tajuk Maklumat tentang Pemulangan Stok.

3.2 Prestasi Penjualan

3.2.1 Produk yang dibeli setiap bulan harus dijual lebih daripada 70% barulah dapat menikmati pelbagai jenis bonus untuk jumlah produk yang dibeli pada bulan itu.

3.2.2 Harus menjual produk Shuang Hor kepada 10 orang pelanggan yang berlainan barulah dapat terima bonus prestasi kumpulan individu.

3.3 Penajaan

Pengedar berhak menaja orang lain untuk menjadi pengedar

3.3.1 Pengedar yang ditaja mesti membeli satu set Starter Kit yang berharga RM26. (\$\$10.50 untuk pengedar Singapura).

3.3.2 Penaja dilarang memaksa orang yang ditaja melakukan perkara-perkara berikut:

3.3.2.1 Membeli atau menyimpan produk atau alat bimbingan perniagaan yang ditetapkan oleh penaja.

3.3.2.2 Membeli tiket masuk untuk seminar atau perhimpunan pengedar-pengedar.

3.3.2.3 Membeli apa-apa maklumat untuk memperkembangkan perniagaan.

3.3.2.4 Minta downline membayar bayaran yang tidak setara dengan kos dengan alasan menganjurkan ceramah, mengadakan majlis, seminar, mencetak bahan-bahan dan sebagainya.

3.3.3 Penaja harus menyatakan peraturan-peraturan dalam Perniagaan Shuang Hor, Akta Jualan Langsung 1993, Peraturan Jualan Langsung 2001 (Skim & Kelakuan) dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Jualan Langsung Malaysia dengan jujur sebelum orang yang ditaja itu menandatangani borang permohonan. Penaja dilarang bersikap pura-pura, menipu, merahsiakan sesuatu dan elakkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan salah faham, kemudian barulah minta orang yang ditaja itu menandatangani borang permohonan. (Pengedar Singapura tertakluk kepada Perkara 3.3.4)

3.3.4 Penaja mesti menjelaskan semua peraturan dalam Panduan Perniagaan Shuang Hor dengan jelas dan jujur sebelum orang yang ditaja itu menandatangani borang permohonan. Penaja juga mesti memberitahu Akta 1973 (Larangan) Pemasaran Multi-Peringkat Dan Jualan Piramid, Pindaan Akta 2000 (Larangan) Pemasaran Multi-Peringkat Dan Jualan Piramid, Peraturan 2000 tentang Pemasaran Multi-Peringkat Dan Jualan Piramid (sistem pemasaran dan rancangan) dan perkara penting yang ditetapkan dalam Peraturan 2001 tentang Pemasaran Multi-Peringkat Dan Jualan Piramid (sistem pemasaran dan rancangan). Penaja dilarang bersikap pura-pura, menipu, merahsiakan sesuatu, memeras ugut, memaksa dan elakkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan salah faham sebelum meminta orang yang ditaja itu menandatangani "borang permohonan pengedar yang berkuasa terhadap produk Shuang Hor".

3.4 Perhatian Semasa Menjual Produk

3.4.1 Harus menjual produk mengikut cara penggunaan yang dicetak pada label produk atau keterangan dalam dokumen-dokumen sah. Produk hanya boleh dijual dalam negara yang diidentifikasikan hak pengedarannya.

3.4.2 Dilarang memperbesar-besarkan kemujaraban produk.

3.4.3 Dilarang mempamerkan atau menjual produk Shuang Hor di tempat-tempat awam, (seperti : gerai, kedai, pasar dan tempat-tempat lain), juga dilarang mengamanahkan pihak ketiga untuk menjualkan produk, atau mempamerkan produk-produk Shuang Hor dan alat bimbingan. Ini dapat menjamin pengguna-pengguna berpengetahuan mendalam tentang produk-produk Shuang Hor serta menyalurkan prinsip penjualan produk Shuang Hor.

3.4.4 Tidak bermakna pengedar itu memiliki hak penjualan individu atau hak wilayah.

3.4.5 Dilarang menjual produk Shuang Hor atau alat bimbingan perniagaan kepada pengedar yang bukan dari kumpulan tajaan sendiri (dilarang membekalkan stok kepada rangkaian silang) demi memelihara hak semua pengedar.

3.4.6 Dilarang menjual produk-produk bukan keluaran Shuang Hor dengan menggunakan nama Syarikat Shuang Hor.

3.4.7 Perbandingan Dan Penceraian: Apabila perlu membuat perbandingan di antara produk, perbandingan harus dibuat bersesuaian dengan kenyataan dan bukti. Jangan menggunakan cara perbandingan yang salah atau kurang adil.

3.4.8 Pengedar jualan langsung tidak dibenarkan membuat jualan di internet, jualan lelong, ataupun membekalkan stok kepada orang lain untuk membuat jualan lelong atau jualan di internet ataupun melalui saluran lain.

3.5 Harga Tunggal

Pengedar dilarang menaik atau menurunkan harga produk Shuang Hor sesuka hati dengan tujuan meragut keuntungan atau bertujuan untuk melariskan jualan.

3.6 Perkongsian Dan Pengunduran

- 3.6.1 Apabila seseorang pengedar memohon untuk menyertai atau selepas menyertai Perniagaan Shuang Hor, pasangan hidup akan menjadi pekongsinya dalam Perniagaan Shuang Hor. Pasangan suami isteri akan memiliki 1 hak pengedaran. Pengedar dilarang menjadikan teman yang tidak berdaftar dalam perkahwinan sebagai pekongsi melainkan syarat-syarat lain yang disebut dalam Peraturan Perniagaan ini.
- 3.6.2 Perkongsian bermakna pasangan pengedar menjalankan urusan bersama-sama. Sekiranya salah seorang daripada pekongsi itu menyalahi Peraturan Perniagaan Shuang Hor atau tindakannya menjejaskan hak Syarikat Shuang Hor, kesalahan itu harus ditanggung oleh kedua-dua orang pekongsi. Jika tindakan salah itu telah membawa kerugian kepada Syarikat Shuang Hor, maka kedua-dua orang pekongsi dikehendaki menanggung kerugian itu bersama-sama.
- 3.6.3 Apabila salah seorang daripada pekongsi ingin mengundur bukan disebabkan oleh penceraian, ini bermakna hubungan perkongsian telah ditamatkan. Kontrak di antara pasangan suami isteri itu dengan Syarikat Shuang Hor akan ditamatkan. Permohonan diperlukan jika salah seorang daripada pasangan itu ingin terus menjalankan Perniagaan Shuang Hor. Selepas dinilai oleh pihak Syarikat Shuang Hor dan didapati pengedar itu tidak pernah menyalahi peraturan perniagaan, Syarikat Shuang Hor akan memulihkan hak pengedaran yang telah ditamatkan itu dan pengedar itu boleh meneruskan hak pengedarannya. Sekiranya pengedar itu mengundur kerana hendak menjalankan aktiviti syarikat jualan langsung yang lain, maka Syarikat Shuang Hor akan menolak permohonan pekongsinya untuk meneruskan atau mengembalikan hak pengedaran itu.
- 3.6.4 Jika salah seorang daripada pasangan itu mengundur disebabkan kematian, hak pengedaran itu tidak akan dipengaruhi atas sebab itu. Seorang lagi berhak mewaris dan menguruskan perniagaan itu dengan sepenuhnya. Pengedar itu boleh memohon untuk menambahkan seorang pekongsi baru.
- (i) Selain memenuhi syarat mengenai kelayakan pengedar dalam Peraturan Perniagaan Shuang Hor, pekongsi baru itu mesti pasangan sah kepada pemohon itu.
- (ii) Jika pekongsi baru itu ingin menjadikan teman hidup sebagai pekongsinya, persetujuan secara bertulis tentang pengunduran mesti didapatkan dari pekongsi yang asal itu.
- 3.6.5 Pembentukan perkongsian baru mengikut keadaan (i) dan (ii) tersebut, pengedar dan pekongsinya harus mewaris hak mengikut kontrak penyertaan yang asal. Kes pasangan itu akan diuruskan seperti perkongsian biasa kecuali Syarikat Shuang Hor menetapkan peraturan lain. Jika pekongsi baru sudah memiliki hak pengedaran sendiri, hak pengedaran itu akan dibubarkan.

3.7 Perkahwinan

Jika kedua orang pengedar ingin berkahwin, permohonan boleh dibuat untuk mengekalkan rangkaian masing-masing atau memohon untuk membatalkan salah satu hak pengedaran dan berkongsi dengan pasangannya. Maka downlinenya tetap menjalankan perniagaan dengan rangkaian yang asal.

3.8 Penceraian

- 3.8.1 Apabila pengedar ingin bercerai dengan pasangannya, hak pengedaran akan menjadi milikan pemohon. Sekiranya wujud kompromasi di antara kedua-dua pihak, maka kes ini akan diuruskan mengikut kompromasi.
- 3.8.2 Selepas pihak itu berundur, permohonan untuk penyertaan semula diperlukan.

3.9 Pengedar dilarang menunjukkan dirinya sebagai pewakil, ejen, diupah atau ditugaskan oleh syarikat dalam mana-mana urusan secara terbuka atau samar-samar. Pengedar juga dilarang memberi jaminan bagi pihak syarikat secara terbuka atau samar-samar.

- 3.9.1 Pengedar hanya berhak menjual produk-produk Shuang Hor dan menaja kawan baru serta melaksanakan tanggungjawab seorang pengedar dalam tempoh berkuasa yang sah.
- 3.9.2 Apabila tempoh berkuasa yang sah sudah tamat, tindakan menjual apa-apa produk Shuang Hor dengan apa-apa cara adalah dianggap menjejaskan hak Syarikat Shuang Hor.

3.10 Pengedar harus menjelaskan kepada downline bahawa perhubungan di antara upline dan downline adalah berdikari. Hubungan di antara mereka ialah memperkembangkan perniagaan, penjualan produk dan sebagainya. Tiada sebarang hubungan diupah, menjadi agen, diamanahkan atau hubungan lain dari segi undang-undang. Pengedar bertanggungjawab untuk melatih dan membimbing downline yang ditaja olehnya.

3.11 Pengedar dilarang membuat permintaan, cadangan, jaminan atau pengumuman di publik terhadap syarikat dan produk Shuang Hor. Melainkan sudah diumumkan oleh Syarikat Shuang Hor dalam dokumen-dokumen sah atau sudah dipersetujui oleh Syarikat Shuang Hor secara bertulis. Pengedar dikehendaki menanggung segala kerugian yang dialami oleh syarikat atau tindakan undang-undang yang dikenakan kepada syarikat sekiranya melakukan kesalahan itu.

3.12 Pengedar dikehendaki mematuhi semua undang-undang di negara yang diidentifikasikan hak pengedarannya serta menjamin supaya Syarikat Shuang Hor tidak didakwa atau mengalami sebarang kerugian.

3.13 Pengedar dilarang menjalankan penjualan atau kerja penajaan yang berkaitan dengan Syarikat Shuang Hor di tempat atau negara yang belum dijejaki oleh Syarikat Shuang Hor atau perusahaan-perusahaan yang diceburinya.

3.14 Pengedar dilarang menceburi atau menjalankan jualan langsung yang lain (dilarang memegang jawatan sebagai pekongsi, pengarah, pengawas, kerja sampingan atau penasihat syarikat jualan langsung lain di mana cara pengurusan atau produknya sama atau agak serupa dengan Syarikat Shuang Hor) atau menjual produk-produk yang serupa dengan produk Syarikat Shuang Hor. Pengedar juga dilarang menaja atau memperkenalkan pengedar Syarikat Shuang Hor untuk menceburi bidang jualan langsung yang lain.

- 3.15** Pengedar dilarang menggugat atau menggunakan cara yang serong supaya downline menempah stok dengannya. Juga dilarang menyalahgunakan, mengubahsuai atau mengawal prestasi yang dicapai oleh downline untuk mencapai tujuan tertentu.
- 3.16** Apabila prestasi bulanan seseorang pengedar itu mencapai standard Elit dan ke atas, Syarikat Shuang Hor berhak mengalihkan sejumlah wang daripada jumlah bonus yang akan diagihkan kepada pengedar itu ke dalam akaun tertentu untuk tujuan perbelanjaan sewa tempat mesyuarat dan sebagainya.

Perhatian: Jadual Jumlah Wang Yang Ditetapkan

Taraf	Jumlah Wang (RM)	Jumlah Wang (S\$)
Standard Prestasi 1 Elit	30	11.00
Standard Prestasi 3 Elit	50	18.00
Standard Prestasi 5 Elit	70	26.00
Standard Prestasi 7 Elit	100	37.00
Standard Prestasi 9 Elit	150	56.00
Standard Prestasi 11 Elit	150	56.00
Standard Prestasi 13 Elit	150	56.00

- 3.17** Dilarang menyalahi peraturan-peraturan perniagaan dan elakkan tindakan yang boleh mempengaruhi operasi rangkaian.

Bab 4 : Hak Dan Tanggungjawab Pengedar Vice Manager Dan Ke Atas

4.1 Tanggungjawab

- 4.1.1 Mesti mengekalkan simpanan stok dan alat bimbingan yang cukup serta menetapkan masa menjalankan Perniagaan Shuang Hor untuk memenuhi keperluan urusan perniagaan individu.
- 4.1.2 Mengadakan seminar secara rutin untuk melatih dan merangsang downline-downlinenya. Pengedar downline yang tidak dapat hadir harus dihubungi melalui telefon atau surat, sedia memberi bantuan pada setiap masa. Memberi bantuan dan cadangan terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh downline.
- 4.1.3 Sentiasa berhubung dengan downline.
- 4.1.4 Mengawasi serta memastikan semua pengedar downline dapat mematuhi peraturan Syarikat Shuang Hor.
- 4.1.5 Menyalurkan mesej yang disampaikan oleh Syarikat Shuang Hor kepada pengedar-pengedar dalam rangkaian individu, termasuk pengumuman tentang masa dan tempat seminar, informasi produk, latihan pendidikan dan perhatian kepada pengedar-pengedar untuk memperkembangkan Perniagaan Shuang Hor.

4.2 Kelayakan Semula

- 4.2.1 Hak dan anugerah pengedar Vice Manager dan ke atas akan dikekalkan mulai hari terima anugerah hingga tahun fiskal seterusnya. (1hb Januari hingga 31hb Disember) Pengedar itu dikehendaki layak semula dalam tahun fiskal supaya hak dan anugerah tidak ditamatkan dalam tahun fiskal seterusnya.
- 4.2.2 Kelayakan pengedar akan ditentukan oleh Syarikat Shuang Hor berdasarkan "Kaedah Pengagihan Bonus, Anugerah Dan Ganjaran".

Bab 5 : Prinsip Pemeliharaan Rangkaian Pengedar

5.1 Penukaran Rangkaian (Menukar Penaja)

- 5.1.1 Pengedar perlu mengajukan permohonan kepada Syarikat Shuang Hor untuk menukar rangkaian tetapi downline generasi pertamanya akan diangkat menjadi downline kepada uplinenya.
- 5.1.2 Pemohon pertukaran rangkaian seharusnya mendapatkan persetujuan daripada rangkaian penajaan asal dan penaja daripada rangkaian penajaan yang telah ditukar, pengedar Vice Manager generasi pertama serta Diamond generasi pertama dengan menandatangani (Borang Pertukaran Penaja), barulah boleh memohon menukar rangkaian, syarat tidak terikat dengan pemberhentian aktiviti selama 6 bulan, hanya boleh diguna pakai untuk sekali sahaja: atau
- 5.1.3 Mengisi "Borang Memberhentikan Hak Pengedaran", bermula dari tarikh mendapat kelulusan Syarikat Shuang Hor secara bertulis sehingga cukup 6 bulan, barulah boleh menyertai semula. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 6 bulan tersebut pemohon perlu mematuhi peraturan 2.8.1
- 5.1.4 Oleh sebab mana-mana downline daripada rangkaian asal pengedar yang menukar rangkaian atau menyertai semula itu ingin menukar menjadi downline rangkaian yang baharu pada masa yang sama atau pada masa akan datang, beliau perlu berhentikan hak pengedaran selama 2 tahun barulah boleh memohon menyertai downline rangkaian yang baharu; oleh yang demikian, mana-mana downline dalam rangkaian asal yang ingin menjadi downline mendalam rangkaian baharu perlu berhenti hak pengedaran selama 4 tahun.
- 5.1.5 Demi menjaga kepentingan rangkaian penajaan asal serta mengekalkan integriti rangkaian jualan langsung, Syarikat Shuang Hor mempunyai hak yang mutlak dalam menentukan permohonan penukaran rangkaian pengedar. Semua permohonan penukaran rangkaian mesti mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada Syarikat Shuang Hor baru dikira sah.

- 5.2** Pendedar dilarang membantu atau menyeru pendedar lain meninggalkan rangkaian penajaan asalnya secara langsung atau tidak langsung supaya dapat mengekalkan keharmonian dalam rangkaian penajaan asal pendedar itu serta menjamin hak penajaan pendedar uplinenya. (Dilarang merampas rangkaian)
- 5.3** Pendedar-pendedar yang ingin bertukar rangkaian dilarang menyertai rangkaian lain atas nama orang lain dan menjalankan tugas sebagai pendedar terlebih dahulu sebelum prosedur penukaran rangkaian itu tamat.
- 5.4 Perwarisan**
- 5.4.1 Apabila seorang pendedar telah meninggal dunia, pewaris untuk pendedar itu harus memohon dengan pihak syarikat supaya mewariskan hak pengedaran dan bonus yang sudah dikenal pasti tetapi masih belum diterima oleh pendedar itu serta bonus-bonus yang akan diterima pada masa depan. Perwarisan ini akan dilaksanakan sejajar dengan undang-undang negara asal secara ketat. Undang-undang mengenai hak pengedaran mengikut negara asal akan dijadikan panduan dalam pertimbangan; walau bagaimanapun, Shuang Hor mempunyai hak untuk membuat keputusan muktamad.
- 5.4.2 Jika terdapat beberapa orang pewaris, hanya seorang wakil boleh memohon dengan pihak syarikat. Semasa membuat permohonan, dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan ialah borang permohonan, surat rekomen, surat wasiat, sijil kematian dan tandatangan semua pewaris. Keputusan Shuang Hor adalah muktamad. Pewaris yang dinamakan akan menjadi benefisiari tunggal untuk mewarisi semua faedah, jika dalam proses perwarisan itu memerlukan sebarang perbelanjaan, pemohon perlu menanggung segala perbelanjaan yang berkaitan.
- 5.4.3 Pewaris yang sah perlu membuat permohonan perwarisan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian pendedar, jika pemohon gagal berbuat demikian, permohonan tidak akan diproses oleh Shuang Hor; namun permohonan yang telah mendapat kebenaran untuk dilanjutkan oleh Syarikat tidak terikat dengan klausa ini.
- 5.4.4 Jika hak pengedaran yang diwaris itu tidak menghasilkan sebarang bonus dalam tempoh masa 1 tahun, maka hak pengedaran yang asal itu akan dibubarkan oleh pihak syarikat. Tempoh masa 1 tahun yang disebut di atas bermakna satu tahun sebelum pihak syarikat mengemaskinikan pembubaran hak pengedaran tahunan (1hb Jan-31hb Disember).
- 5.4.5 Jika pewaris itu bukan pendedar Syarikat Shuang Hor, dia tidak akan menjadi pendedar secara automatic disebabkan perwarisan itu kecuali mereka yang memenuhi syarat-syarat dalam perkara ini. Mereka tidak berhak menikmati hak dan ganjaran seseorang pendedar. Jika pewaris itu ialah seorang pendedar atau sudah mendaftarkan diri sebagai pendedar, maka hak dan ganjaran yang dinikmatinya tidak akan dipengaruhi kerana perwarisan tersebut.
- 5.4.6 Jika pewaris ialah seorang pendedar Syarikat ini dan merupakan downline langsung kepada pendedar yang meninggal dunia, pewaris boleh memohon untuk menggabungkan kedua-dua hak pengedaran tersebut.
- 5.5 Pemindahan**
- 5.5.1 Pendedar yang berstatus Special Vice Manager dan ke atas, perlu mendapat persetujuan daripada pasangannya untuk memohon memindahkan hak pengedarannya daripada Syarikat Shuang Hor.
- 5.5.2 Penerima pindahan perlu memenuhi semua syarat yang berikut:
- 5.5.2.1 Penerima pindahan mestilah seorang pendedar Syarikat Shuang Hor.
- 5.5.2.2 Mesti seorang saudara sedarah.
- 5.5.3 Pemindahan hak pengedaran yang belum mendapat kelulusan Syarikat Shuang Hor adalah tidak sah; apabila pemindahan hak pengedaran yang telah mendapat kelulusan Syarikat Shuang Hor, semua faedah pendedar asal dan pasangannya akan dipindahkan kepada penerima pindahan.
- 5.5.4 Permohonan pemindahan hak pengedaran hanya dibenarkan sekali sahaja, sebaik sahaja permohonan diluluskan oleh Syarikat Shuang Hor, ia tidak boleh dibatalkan, walau bagaimanapun, jika penerima pindahan terlibat dalam kes kehilangan hak perwarisan, maka ia tidak tertakluk dalam hal ini.
- 5.5.5 Pada masa permohonan, jika penerima pindahan dan pemegang serah hak berada dalam hubungan sebagai upline dan downline, maka mereka perlu memilih untuk bergabung rangkaian.
- 5.5.6 Hak faedah dan kewajipan lain yang berkaitan akan diuruskan mengikut peraturan yang tertera dalam Bab 3 Buku Panduan Perniagaan.
- 5.5.7 Permohonan Pemindahan Hak Pengedaran perlu mengemukakan dokumen yang berikut:
- 5.5.7.1 Borang permohonan.
- 5.5.7.2 Perakuan meterai pemohon, pasangan dan penerima pindahan.

Bab 6 : Previu Penyampaian Peluang

Semasa pendedar menjemput seseorang untuk menjalankan Previu Penyampaian Peluang (penajaan), pastikan prospek yang ditaja itu tidak terima maklumat yang salah atau tertipu melalui cara penajaan dan jemputannya. Pendedar dilarang memperkenalkan Perniagaan Shuang Hor dengan menggunakan alasan-alasan berikut :

6.1 Semasa Jemputan

- 6.1.1 Berkumpul dengan memberi alasan mengadakan aktiviti sosial atau kegiatan bukan urusanniaga.
- 6.1.2 Dengan alasan menjalankan penyelidikan pasaran untuk sesuatu keadaan.
- 6.1.3 Menjemput orang datang dengan alasan hendak memberi upahan.

6.2 Semasa Previu Penyampaian Peluang

- 6.2.1 Boleh mendapat untung dengan menaja orang lain sebagai pendedar.
- 6.2.2 Memperbesar-besarkan jumlah pendapatan dan kelebihan yang boleh diperoleh oleh seseorang pendedar.
- 6.2.3 Memberi jaminan bonus dan pendapatan yang tetap.

Bab 7 : Penggunaan Nama Shuang Hor

7.1 Cap Dagang Shuang Hor

- 7.1.1 Cap Dagang Shuang Hor -- Nama Syarikat Shuang Hor, logo produk dan cap perkhidmatan telah didaftarkan. Cap dagang itu tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya tanpa persetujuan secara bertulis atau tanpa diberi hak oleh Syarikat Shuang Hor.
- 7.1.2 Sekiranya cap dagang itu perlu digunakan atas urusan perniagaan Shuang Hor, pengedar itu harus membuat permohonan secara bertulis dan lanjutan penggunaan cap dagang hanya dianggap sah jika permohonan dibuat pada setiap tahun.

7.2 Hakcipta Shuang Hor

Syarikat Shuang Hor memiliki hakcipta untuk penerbitan majalah suku tahunan, penulisan, pita video, corak kesenian, ceramah dan sebagainya. Hakcipta adalah terpelihara. Dilarang menyalin sebahagian atau keseluruhan karya tanpa keizinan. Syarikat Shuang Hor akan menuntut gantirugi dan membatalkan hak pengedaran jika mendapati tindakan itu telah menjejaskan hak dan reputasi syarikat.

- 7.2.1 Dokumen maklumat - Dokumen-dokumen sah Syarikat Shuang Hor boleh dipetik dengan mendapat persetujuan dari Syarikat Shuang Hor untuk memenuhi keperluan kumpulan individu pengedar. Tetapi harus menegaskan perkataan "Petikan ini diizinkan oleh Syarikat Shuang Hor".
- 7.2.2 VCD dan DVD - Sekiranya perlu membuat rakaman untuk seminar atau sebarang ceramah yang dianjurkan oleh Syarikat Shuang Hor, terlebih dahulu dapatkan keizinan secara bertulis dari Syarikat Shuang Hor. VCD atau DVD itu tidak boleh digunakan menjangkau skop penyerahan hak termasuk kawasan, kegunaan dan keadaan yang diluluskan itu.

7.3 Alat Bimbingan Perniagaan

- 7.3.1 Alat bimbingan perniagaan yang direka dan diterbit oleh pengedar sendiri perlu mendapat keizinan dari Syarikat Shuang Hor secara bertulis kemudian diberi kuasa oleh syarikat sebelum digunakan.
- 7.3.2 Sekiranya alat bimbingan perniagaan itu bertentangan dengan urusan perniagaan Shuang Hor hingga menjejaskan hak dan reputasi Syarikat Shuang Hor, syarikat berhak menuntut pampasan daripada pengedar itu.

7.4 Untuk mengelakkan pengedar-pengedar melanggar akta-akta perniagaan serta menjaga reputasi Syarikat Shuang Hor, pengedar dilarang mengiklankan produk-produk atau Perniagaan Shuang Hor melalui media elektronik, internet atau media percetakan, atau memperkembangkan perniagaannya melalui cara promosi lain.

7.5 Pengedar dilarang membeli apa-apa produk, katalog atau alat bimbingan yang dicetak dengan logo Shuang Hor dari sumber lain melainkan negara yang diidentifikasikan hak pengedarannya.

7.6 Pengedar dilarang mengumpulkan, mengganggu, menukar, membatalkan atau mempergunakan maklumat-maklumat pengedar Shuang Hor melalui internet, media elektronik dan percetakan supaya dapat menjaga hak semua pengedar dan nama Syarikat Shuang Hor.

Bab 8 : Peraturan Untuk Bangsa Asing Yang Menjalankan Perniagaan Shuang Hor

8.1 Perkara ini hanya sesuai digunakan oleh bangsa bukan Malaysia dan bukan Singapura yang berusia 18 tahun ke atas dan ada penempatan sah.

8.2 Di Singapura atau Malaysia, orang asing hanya dibenarkan menjadi pengedar jualan langsung secara "badan usaha" sahaja. Dia dikehendaki mengepilkkan salinan pasport dan dokumen-dokumen berkenaan lalu mengisi borang permohonan. Pemohon yang memenuhi syarat di negara-negara berkenaan boleh memohon untuk menjadi pengedar Shuang Hor.

8.3 Pemohon dari negara asing juga boleh membentuk syarikat untuk menjalankan penjualan dimana kelulusan perlu didapati dari Syarikat Shuang Hor terlebih dahulu. Syarikat Shuang Hor berhak mempertimbang serta menolak permohonan itu tanpa sebarang alasan.

8.4 Keuntungan yang diperolehi oleh pemohon dengan menjalankan Perniagaan Shuang Hor di negara yang diidentifikasikan hak pengedaran harus dilaporkan serta membayar cukai menurut undang-undang negara yang diidentifikasikan hak pengedarannya. Sila rujuk kepada akauntan atau peguam jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai soal percukaian.

8.5 Butir-butir mengenai pengaliran wang asing harus dikendalikan menurut undang-undang negara yang diidentifikasikan hak pengedarannya.

8.6 Tempoh Masa Berkuasa

Tempoh pemberian kuasa adalah mengikut ketetapan perkara 2.5, namun apabila pengusaha syarikat yang didaftarkan sebagai "Perniagaan Membuat Keuntungan" sudah berhenti beroperasi, maka hak kuasa jualan langsungnya akan terbatal secara sendirinya.

Bab 9 : Cara Pengendalian Kes Penentangan Kontrak

9.1 Perlaksanaan "Cara Pengendalian Kes Penentangan kontrak" ialah untuk mengekalkan serta memastikan operasi normal bagi rangkaian jualan langsung. Sekiranya pengedar melanggar peraturan Perniagaan Shuang Hor, atau perbuatannya telah mengganggu operasi rangkaian, Syarikat Shuang Hor akan mengambil tindakan untuk penentangan kontrak.

9.2 Jika Pengedar didapati melanggar mana-mana kesalahan yang berkaitan dengan Perkara 9.3 dan siasatan Syarikat mendapati pelanggaran itu adalah benar, maka tindakan yang diambil hendaklah mengikut kewajaran ringan atau beratnya kes tersebut, dengan cara memberi amaran, memberhentikan hak pengedaran, membatalkan kelayakan keahlian pengedar atau membatalkan sendiri kelayakan keahlian, bagi membetulkan perbuatan salah laku pengedar.

Pemberhentian hak pengedaran yang disebut dalam Perkara 9.2 Peraturan Perniagaan merujuk kepada "Memberhentikan hak kelayakan faedah pengedar, termasuk menaja, membeli stok, kenaikan pangkat, pengiktirafan, menerima bonus, kelayakan pelancongan ke luar negara, menyertai seminar, pelbagai kegiatan dan sebagainya yang berkaitan dengan semua faedah kelayakan keahlian pengedar".

9.3 Pengedar dilarang melakukan tindakan-tindakan berikut :

- 9.3.1 Merampas rangkaian
 - 9.3.1.1 Kumpulan downline yang meninggalkan kumpulan asal disebabkan oleh tindakan merampas rangkaian harus kembali ke rangkaian asalnya.
 - 9.3.2 Membekalkan stok kepada rangkaian silang.
 - 9.3.3 Perbuatan mempamerkan produk, menjual produk di internet, jualan lelong atau membekalkan stok untuk orang lain untuk menjualnya di internet atau membuat jualan lelong dan jualan di saluran lain.
 - 9.3.4 Mengamanahkan seseorang yang bukan pengedar untuk menjual produk.
 - 9.3.5 Menghasut orang lain atau bertindak untuk menyalahi pendidikan Sistem sehingga membawa kerugian kepada Syarikat Shuang Hor.
 - 9.3.6 Membuat pengiklanan di surat khabar atau media-media lain dengan menggunakan nama Shuang Hor.
 - 9.3.7 Sengaja menjejaskan hak dan reputasi syarikat melalui tindakan atau pertuturan.
 - 9.3.8 Menggunakan hak cipta Syarikat Shuang Hor tanpa kebenaran.
 - 9.3.9 Upline menghasut downline supaya menyimpan stok dengan banyak.
 - 9.3.10 Menandatangani borang permohonan atau borang pembaharuan keahlian bagi pihak lain tanpa makluman secara bertulis atau mengamanahkan kuasa secara lisan.
 - 9.3.11 Penaja tidak memberitahu dan menjelaskan kepada orang yang ditaja itu dengan jujur tentang peraturan perniagaan sebelum dia menandatangani borang permohonan.
 - 9.3.12 Menjelaskan fungsi-fungsi produk dengan berniat jahat, menipu atau memperbesar-besarkan kemujarabannya dengan tidak jujur.
 - 9.3.13 Menunjukkan penjualannya ada hak daerah atau hak kebenaran yang tunggal, menjalankan penajaan dan penjualan di negara atau daerah yang belum didirikan Syarikat Shuang Hor.
 - 9.3.14 Memegang jawatan sebagai pekongsi, pengarah, pengawas, kerja sampingan atau penasihat syarikat jualan langsung lain di mana cara pengurusan atau produknya sama atau agak serupa dengan Syarikat Shuang Hor atau menjual produk-produk yang serupa dengan produk Syarikat Shuang Hor, menaja atau memperkenalkan pengedar Syarikat Shuang Hor untuk menceburi bidang jualan langsung yang lain.
 - 9.3.15 Menunjukkan dirinya sebagai pewakil, ejen, diupah atau ditugaskan oleh Syarikat Shuang Hor dalam mana-mana urusan secara terbuka atau samar-samar. Memberi jaminan bagi pihak Syarikat Shuang Hor secara terbuka atau samar-samar, membuat permintaan, cadangan, jaminan atau pengumuman di publik terhadap syarikat dan produk Shuang Hor tanpa mendapat persetujuan dari Syarikat Shuang Hor secara bertulis.
 - 9.3.16 Menjalankan aktiviti Perniagaan Shuang Hor dengan apa-apa cara atau nama dalam tempoh 6 bulan selepas hak pengedaran diberhentikan.
 - 9.3.17 Menyertai rangkaian lain dengan nama orang lain dan menjalankan tugas sebagai pengedar terlebih dahulu sebelum prosedur penukaran rangkaian itu diluluskan.
 - 9.3.18 Minta downline membayar bayaran yang tidak setara dengan kos dengan alasan menganjurkan ceramah, mengadakan majlis, seminar, mencetak bahan-bahan dan sebagainya.
 - 9.3.19 Menjual produk Shuang Hor yang diimport dari negara lain ke negara yang diidentifikasikan hak pengedaran, atau mengeksport produk Shuang Hor dari negara yang diidentifikasikan hak pengedaran ke negara-negara lain untuk dijual.
 - 9.3.20 Menawarkan bonus, hadiah atau bentuk ganjaran lain yang bukan ditetapkan oleh Shuang Hor kepada downline dengan tujuan menjalankan penajaan dan malariskan jualan produk. Tindakan ini telah mengganggu persaingan adil dalam rangkaian jualan langsung Syarikat Shuang Hor.
